

**METAFORA DALAM NOVEL *SELANCAR EMPAT***

**MALA A/P VARADAN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**METAFORA DALAM NOVEL *SELANCAR EMPAT***

**MALA A/P VARADAN**

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
PENGAJIAN LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: MALA A/P VARADAN

No. Matrik: TGC130007

Nama Ijazah: SARJANA LINGUISTIK

Tajuk Disertasi:

METAFORA DALAM NOVEL *SELANCAR EMPAT*

Bidang Penyelidikan: SOSIO LINGUISTIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## KAJIAN METAFORA DALAM NOVEL *SELANCAR EMPAT*

### ABSTRAK

Kajian ini berfokus kepada penggunaan metafora di dalam novel *Selancar Empat*. Penggunaan metafora dapat mengindahkan penggunaan bahasa dalam karya sastra seperti novel, puisi, sajak, cerpen dan banyak lagi. Malah, penggunaannya dapat memudahkan penyampaian maksud yang hendak disampaikan (Newmark, 1988). Malangnya, ramai yang tidak memahami maksud yang disampaikan melalui metafora tersebut. Oleh itu, kajian ini berfokus pada metafora yang digunakan dalam novel *Selancar Empat*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis metafora dan mengkaji perselisihan maksud metafora antara penulis novel dengan responden. Kajian ini memanfaatkan teori metafora Peter Newmark (1988) bagi menganalisis jenis metafora dan perselisihan pemahaman metafora. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif untuk menganalisis data kajian. Pengkaji telah menggunakan borang klasifikasi metafora bagi menganalisis jenis metafora. Selain itu, pengkaji juga telah mentadbir soal selidik bersama responden, iaitu mahasiswa India Universiti Malaya yang tidak berlatar belakangkan kehidupan ladang. Tambahan lagi, pengkaji juga telah menjalankan temu bual separa terbuka dan soal selidik bagi mendapatkan penginterpretasian penulis novel terhadap metafora yang digunakan dalam novel tersebut. Kajian ini membuktikan bahawa hanya 4 jenis metafora dalam novel ini. Juga mendapati 65 peratus jawapan responden berbeza daripada jawapan penulis novel. Responden yang tidak mempunyai latar belakang ladang sukar memahami makna yang tepat bagi metafora yang dianalisis. Oleh itu, konteks, budaya, cara hidup, pemikiran manusia dan kepercayaan memainkan peranan penting dalam mewujudkan perselisihan makna antara penulis dengan responden.

## METAPHORE IN NOVEL *SELANCAR EMPAT*

### ABSTRACT

This study focuses on the use of metaphore in novel *Selancar Empat*. Metaphor is a semantic element that is very familiar in the production of a literary work. The use of metaphors can beautify the language in a literary work such as novels, poems, short stories and more. In fact, its use can facilitate the novelist to convey the meanings (Newmark, 1980). Unfortunately, many do not understand the meaning delivered through the metaphor. Therefore, this study focused on the metaphors used in '*Selancar Empat*' novel. The objectives of this study were to identify the types of metaphors used in the novel and to study the understanding of the meanings of the metaphors between the novelist and respondents. This study utilized the metaphorical theory of Peter Newmark to analyze the types of metaphors and metaphorical misunderstandings. The researcher used descriptive qualitative approach to analyze the data. The researcher used the classification form to analyze the types of metaphors. In addition, the researcher also administered a questionnaire to the respondents; the Indian students of University of Malaya, who did not have the background of living in estates. Furthermore, the researcher also conducted a semi-structured interviews and questionnaire to get the novelist's real meanings of the metaphors used in the novel. This study proved that there were only four types of metaphors found in this novel. The date also revealed that 65 percent of respondents' answers differ from the answer of the novelist. Respondents who did not have the background of living in estates faced difficulties in understanding the exact meaning of metaphors analyzed. Therefore, the context, culture, lifestyle, humans' way of thinking and beliefs play an important role in understanding the meanings of metaphors between the novelist and the respondent.

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana dengan limpah kurniaNYA saya dapat menyempurnakan kajian ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi peluang pada saya untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana di Universiti Malaya. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada mantan pensyarah peribadi saya iaitu En.Supramani a/l Shoniah yang membimbing dan mencorakkan penulisan ini. Selepas persaraan beliau, saya telah dibimbing oleh En.Elanttamil a/l Maruthai. Beliau telah memantapkan penulisan saya. Kini saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih daun keladi kepada mereka. Juga tidak ketinggalan kepada Dr.Krishnaveni yang telah memberi teguran dan bimbingan bernas .Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Teristimewa juga buat suami tersayang, Manokaran Rengasamy yang banyak berkorban masa, tenaga serta pandangan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh pengajian ini. Saya ingin merakamkan lestari budi kasih tidak terhingga kepada beliau. Tidak lupa khas untuk ketiga-tiga anak saya Kesvar Manokaran, Aarthi Manokaran dan Inttiran Manokaran yang amat sabar tanpa kehadiran saya di sisi mereka semasa tempoh pengajian ini. Ucapan jutaan terima kasih dirakamkan kepada ayah saya dan ahli keluarga saya yang telah memberi galakan dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Pengorbanan dan sokongan itulah yang menjadi perangsang kepada saya sehingga berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kawan saya Pn.K.Pushpa , Pn.S.Shamala dan rakan-rakan saya yang banyak mendorong dan memberi sokongan moral semasa saya menghadapi cabaran.

MALA A/P VARADAN  
FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2018

University of Malaya

## ISI KANDUNGAN

<b>PERAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL</b>	<b>xvi</b>

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.1.1 Sejarah Novel Tempatan	3
1.1.2 Metafora	4
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	12



1.7	Definasi Operasional	13
	1.7.1 Novel	13
	1.7.2 Metafora	13
1.8	Kesimpulan	14
<b>BAB 2 : SOROTAN KAJIAN</b>		<b>15</b>
2.0	Pengenalan	15
2.1	Bahasa Kiasan	15
2.2	Metafora	17
	2.2.1 Metafora dari perspektif bahasa Tamil	24
2.3	Kajian tentang Metafora	27
2.4	Kesimpulan	37
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>38</b>
3.0	Pengenalan	38
3.1	Kerangka Kajian	39
3.2	Kerangka Teori	39
	3.2.1 Teori Metafora Newmark (1988)	39
	3.2.1.1 Metafora Mati	42
	3.2.1.2 Metafora cliché	42
	3.2.1.3 Metafora Normal	42
	3.2.1.4 Metafora yang diadaptasi	43
	3.2.1.5 Metafora Terkini	44
	3.2.1.6 Metafora Asli	44

3.3	Sumber Data Kajian	45
	3.3.1 Novel <i>Selancar Empat</i>	45
3.4	Responden Kajian	46
3.5	Instrumen Kajian	46
	3.5.1 Soal Selidik	46
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	47
	3.6.1 Kajian Teks	47
	3.6.2 Data Soal Selidik	48
	3.6.3 Kajian Keperpustakaan	48
3.7	Penganalisan Data	49
3.8	Kesimpulan	50
<b>BAB 4 : PENGANALISISAN DATA</b>		<b>51</b>
4.0	Pengenalan	51
4.1	Jenis- Jenis Metafora dalam Novel <i>Selancar Empat</i>	52
	4.1.1 Metafora Mati	52
	4.1.2 Metafora Asli	61
	4.1.3 Metafora Normal	65
	4.1.4 Metafora adaptasi	68
	4.1.5 Metafora Terkini	71
4.2	Perselisihan Pendapat antara Responden dengan Penulis terhadap Pemahaman Maksud Metafora	72
	4.2.1 Metafora Mati	73
	4.2.2 Metafora Asli	90

4.2.3	Metafora Normal	104
4.2.4	Metafora diadaptasi	107
4.2.5	Metafora Terkini	116
4.3	Kesimpulan	119
<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>		<b>120</b>
5.0	Pengenalan	120
5.1	Perbincangan Dapatan	120
5.1.1	Jenis-jenis metafora	121
5.1.2	Perbezaan Maksud Metafora	122
5.2	Implikasi Kajian	126
5.3	Cadangan Kajian Masa Depan	129
5.4	Kesimpulan	130
<b>Rujukan</b>		<b>131</b>
<b>Lampiran 1</b>		<b>140</b>
<b>Lampiran 2</b>		<b>147</b>
<b>Lampiran 3</b>		<b>150</b>

## SENARAI JADUAL

	TAJUK	HALAMAN
Jadual 3.1	Istilah berkaitan metafora	40
Jadual 3.2	Prosedur Penganalisisan Data	49
Jadual 4.1	Bilangan Metafora dalam Novel <i>Selancar Empat</i>	52
Jadual 4.2.1.1	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan mūli nāra vāyaṅ	73
Jadual 4.2.1.2	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan rāṭcaci	74
Jadual 4.2.1.3	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan pūccāṅṭi	75
Jadual 4.2.1.4	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan nāyp polappāccu	76
Jadual 4.2.1.5	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan āṭṭu mantaikaḷ	77
Jadual 4.2.1.6	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan kollivāy picācu	78
Jadual 4.2.1.7	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan iḷiccavāy kūṭṭam	79
Jadual 4.2.1.8	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan nāra vāyaṅ	80
Jadual 4.2.1.9	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan neṅcukkūṭu	81
Jadual 4.2.1.10	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan cimma coppaṅamākiviṭum	82
Jadual 4.2.2.1	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan atikārap pūṭṭu	90

Jadual 4.2.2.2	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan maṛupiravi	91
Jadual 4.2.2.3	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan vānavil kaṇavu	92
Jadual 4.2.2.4	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan moṭā muḷuṅkikaḷ	93
Jadual 4.2.2.5	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan veḷḷanti maṇitarkaḷ	94
Jadual 4.2.2.6	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan anātaikaḷ	95
Jadual 4.2.2.7	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan puli kukai	96
Jadual 4.2.2.8	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan pilāṣṭik pūtam	97
Jadual 4.2.2.9	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan nūl vēli	98
Jadual 4.2.2.10	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan pētai makkaḷ	99
Jadual 4.2.3.1	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan pēykkārru	104
Jadual 4.2.3.2	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan teṇṭaccōru	105
Jadual 4.2.4.1	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan akati vāḷvu	107
Jadual 4.2.4.2	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan kōḷit tūkkam	108
Jadual 4.2.4.3	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan veṛuppiṅ tī	109
Jadual 4.2.4.4	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan māṭā maṇucaṇā	110

Jadual 4.2.4.5	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan nīraṛra natitāṇ	111
Jadual 4.2.4.6	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan maṇita mirukam	112
Jadual 4.2.5.1	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan alaṅkāram paṛikkappaṭṭa vitavaikaḷ	116
Jadual 4.2.5.2	Perselisihan Maksud Metafora Bagi Perkataan kapaṭa nāṭakam	117

University of Malaya

## SENARAI RAJAH

	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 3.1	Proses Kajian	39
Rajah 3.2	Jenis-jenis Metafora	45
Rajah 4.1	Carta alirana analisis data kajian	51

University of Malaya

## SENARAI SINGKATAN

<b>SS</b>	<b>:</b>	<b>Sumber Sasaran</b>
<b>SD</b>	<b>:</b>	<b>Sumber Domain</b>
<b>TD</b>	<b>:</b>	<b>Target Domain</b>
<b>G</b>	<b>:</b>	<b>Ground</b>

## SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL

### VOKAL

அ	-	<i>a</i>
ஆ	-	<i>ā</i>
இ	-	<i>i</i>
ஈ	-	<i>ī</i>
உ	-	<i>u</i>
ஊ	-	<i>ū</i>
எ	-	<i>e</i>
ஏ	-	<i>ē</i>
ஐ	-	<i>ai</i>
ஓ	-	<i>o</i>
ஔ	-	<i>ō</i>
ஔ	-	<i>au</i>



**KONSONEN**

க் - k	ங் - ṅ	ய் - y
ச் - c	ஞ் - ṅñ	ர் - r
ட் - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l
த் - t	ந் - n	வ் - v
ப் - p	ம் - m	ழ் - ḷ
ற் - ṛ	ன் - ṅ	ள் - ḷ

(NHM converter)

University of Malaysia

# BAB 1 PENGENALAN

## 1.0 Pengenalan

Bahasa Tamil adalah antara bahasa yang tertua daripada kumpulan bahasa Dravida (Arasarathnam, 1978). Ia memiliki sejarah yang panjang serta mempunyai tradisi sastera dan tatabahasa sejak kurun 3 sebelum masihi (Lehman, 1993). Bahasa Tamil telah diiktiraf sebagai bahasa klasik pada tahun 2004. Walaupun pengiktirafan diterima terlalu lewat namun ia membuktikan masih terdapat cendekiawan yang mengiktiraf keagungan bahasa Tamil (Seeni Naina, 2007).

Salah satu ciri untuk mengiktiraf sesuatu bahasa sebagai bahasa klasik adalah ketinggian dan kekayaan kesusasteraan (Puliyur Kesigan, 2010). Bahasa Tamil begitu kaya dengan hasil kesusasteraannya. Kekayaan kesusasteraan ini jelas dapat dilihat dalam karya *Kambaramayanam* yang ditulis oleh *Kambar*. Selain itu, terdapat lima '*Kappiyam*'. Ia bermaksud cerita klasik yang berwatakan dewa mahupun golongan bangsawan. Terdapat lima '*Kappiyam*' bahasa Tamil, iaitu *Silapahtigaram*, *Manimegalai*, *Valaiyapathi*, *Sivaga Chinthamani* dan *Kundalakesi* yang menampakkan keagungan dan ketinggian peradaban dan kebudayaan masyarakat India (Mohanraj, 1987). Tambahan pula, karya agung '*Thirukkural*' juga mempunyai tempat khas dalam perkembangan kesusasteraan Tamil. Sebanyak 1330 kuplet yang meliputi 133 '*athikaram*' iaitu bab dalam *Thirukkural* yang merupakan karya universal (Karunanithi, 1997). Kesusasteraan Tamil moden mula berkembang sejak abad 18 masihi. Pada awalnya kesemua hasil karya ditulis dalam bentuk puisi. Bahasa yang digunakan dalam puisi-puisi tersebut melambangkan kekayaan bahasa Tamil.

Pada awalnya segala penulisan kesusasteraan adalah dalam bentuk puisi. Puisi merupakan satu bentuk genre awal yang wujud dalam semua bahasa di dunia (Seeni Naina,2007). Puisi ialah salah satu jenis karya sastera yang gaya penyampaiannya sangat mengutamakan keindahan bahasa dan kepadatan makna. Menurut Pradopo (1993), karya estetika yang mempunyai makna dikatakan sebagai puisi. Puisi dijadikan alat yang sesuai untuk melengkapkan diri dan menikmati keagungan ciptaan tuhan. Kelahiran bahasa sering dikaitkan dengan kelahiran puisi dalam sesuatu bahasa. Puisi telah wujud dalam hidup manusia sejak mereka mula berkomunikasi menggunakan bahasa (Dharmawijaya, 1998). Secara umumnya, puisi diterima sebagai karya sastera yang paling tertua dalam bahasa-bahasa di dunia ini (Seeni Naina,2007). Puisi membolehkan seorang penyair meluahkan perasaannya. Karya-karya *Bharatiyaar dan Kabilar* memang menyentuh perasaan dan jiwa pembaca. Malahan, pembaca begitu tertarik dengan maksud yang disampaikan melalui puisi tersebut.

Menurut Murugesan (2008), orang Inggeris yang menjajah India telah membawa dua genre, iaitu cerpen dan novel. Perkembangan cerpen pada abad ke-17 telah mengorak langkah baru ke arah penulisan novel. Novel yang terawal adalah '*Prathaba Muthaliyaar Sarithiram*' yang ditulis oleh Vethanayagam Pillai pada tahun 1879. Ini diikuti dengan dua buah novel iaitu '*Kamalambal Sarithiram*' oleh Rajam Aiyar dan '*Bathmavathi Sarithiram*' oleh Mathava Aiyar. Mulai abad ke -20 penulisan novel telah berkembang pesat.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

### 1.1.1 Sejarah perkembangan novel tempatan

Pada asalnya konsep novel 'diimport' ke India ketika pemerintahan Inggeris di India. Ketika berlaku penghijrahan masyarakat dari India ke Tanah Melayu, maka konsep novel ini turut dibawa bersama (Sababathy, 2007). Pada awal abad 20-an, penulisan novel mula berkembang. Novel pertama di Malaysia adalah bertajuk '*Meenachi atau Malaai Nathu Manggai*' ditulis pada tahun 1916. Novel ini ditulis oleh K.Kanthaiyah Pillai (*Tamil Nesan*, 2007.11). Di antara tahun 1916 hingga 1938, sebanyak 25 novel telah diterbitkan. Novel-novel ini mempunyai tema, plot cerita, latar tempat, masa dan masyarakat berdasarkan India dan Sri Lanka (Sababathy, 2007). Dalam era 70-an hingga 80-an terdapat beberapa novel yang terkenal seperti *Thuyarapathai* (1958), *Elachia Payanam* (1972), *Maravalli Kizhanggu* (1979) dan *Payananggal Mudivathillai* (1988). Manakala, sebanyak 43 buah novel diterbitkan antara tahun 1990 hingga 1992 (Sababathy, 2007). Novel berkembang pesat dalam era 20-an. Plot dan jalan ceritanya juga berbeza. Pelbagai isu seperti masalah remaja, masalah kedatangan pemuda Bangladesh, pengaruh filem, dan kewanitaan merupakan antara tema penting novel era tersebut.

Setiap penulis novel mempunyai bahasa kiasan yang berbeza. Gaya penulisan juga banyak terpengaruh oleh tema dan latar belakang masyarakat (Keris Mas, 1988). Contohnya, A.Rengasamy (2006), yang menulis novel bertajuk '*Langat Nathikaraiyile*' lebih gemar menggunakan gaya penulisan sejarah. Manakala, C.Muthusamy (2006), lebih gemar menulis novel berlatar belakangkan ladang. Salah satu contohnya ialah dalam novel yang bertajuk *Manpulukkal*, beliau membincangkan isu ladang yang juga dijadikan sebagai tema dalam novel beliau. Bukan sekadar tema, plot yang berbeza malah penggunaan bahasa kiasan khasnya metafora juga banyak berbeza.

### 1.1.2 Metafora

Metafora adalah disiplin atau ilmu tentang gaya yang digunakan oleh pengarang yang dianggap terkeluar dari rumus tatabahasa. Dalam kajian metafora akan berlaku pemanipulasian keindahan bahasa (Awang, 1996). Tambahannya lagi, kajian metafora merangkumi dua perkara, iaitu pola-pola gaya dalam bahasa tertentu sebagai cara melahirkan fikiran dan perasaan dan gaya bahasa penulis dengan penampilan ciri individu.

Metafora juga mempunyai hubungan yang rapat dengan linguistik (Lufti, 1990). Walaupun metafora merujuk kepada kajian terhadap karya sastera, namun bahasa menjadi fokus utama kajian. Tujuan kajian terhadap unsur linguistik dalam karya sastera adalah untuk memperbaiki dan mengenal pasti teknik kepengarangan setiap penulis karya sastera (Nik Saffiah, 1998).

Dalam bahasa Arab, metafora bermaksud pengumpamaan objek kepada sesuatu yang lain (Selvajothi, 2009). Dari aspek linguistik, metafora bermaksud pertimbangan tentang sesuatu perkara dengan membandingkan perkara lain. *Kamus Linguistik* (1997) kata atau frasa yang digunakan untuk mewujudkan pemerian dalam penggunaannya. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995) pula, menerangkan bahawa metafora ialah perkataan dan frasa yang digunakan untuk menyindir, mengeji dan memuji seseorang.

Metafora diertikan sebagai pengkiasan perkataan sama ada persamaan atau perbezaan untuk menyampaikan sesuatu maksud (Za'aba, 1965). Penggunaan tidak disertai dengan kata bandingan. Contohnya, keberanian harimau sungguh mengagumkan. Dalam hal ini, Keris Mas sependapat dengan Za'aba. Metafora yang berasal dari analogi, membeza banding sesuatu perkara dengan perkara lain (Keris Mas, 1990).

Menurut Patrina (2004), metafora adalah ungkapan tersirat yang singkat tanpa berputar belit. Abrams (1981), berpendapat bahawa metafora bertujuan bukan sahaja untuk memberi maksud yang mendalam malah mengindahkan sesuatu bahasa.

Metafora merupakan suatu kajian yang wujud lebih daripada 2000 tahun. Aristotle adalah pendorong kepada sejarah aliran pemikiran barat. Beliau menggunakan semantik perkataan dan kata nama sebagai unit asas (Ricoeur, 1977). Metafora mula dikaji bermula zaman Aristotle, iaitu 384-322 SM. Kajian berterusan ini telah menarik lebih ramai ilmuan dari pelbagai bidang seperti sastera, psikologi, semiotik, kognitif, agama, falsafah dan sebagainya (Kronfeld, 1983). Pada ketika itu, keupayaan menggunakan dan memahami metafora menjadi pembuka rahsia bahasa dan kognisi.

Penggunaan perkataan yang lain daripada makna biasa apabila menyebut sesuatu maksud unsur metafora telah digunakan. Kehidupan harian manusia dipenuhi dengan unsur metafora. Adakalanya kita tidak sedar bahawa perkataan atau frasa yang digunakan itu adalah metafora. Manusia menggunakan metafora dalam perbualan harian dengan semua lapisan masyarakat. Tujuannya untuk menyampaikan sesuatu dengan lebih jelas dengan membangkitkan sesuatu imej dalam minda pendengar ataupun pembaca dan juga secara tidak langsung. Menurut Richards ( Shu Dingfang, 2000), dalam kehidupan seharian setiap tiga ujaran yang manusia sebut mengandungi sekurang-kurangnya satu metafora.

Dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil, metafora wujud sejak zaman klasik Tamil lagi. Hampir semua karya yang wujud pada zaman itu menggunakan metafora dalam menerangkan maksudnya kepada pembaca. Ini kerana masyarakat pada

ketika itu lebih mementingkan kehidupan duniawi dan sering mengaitkan setiap kejadian hidup dengan alam semesta (Gopalan, 2009).

Secara ringkas, metafora merupakan gaya menggunakan bahasa termasuk gaya bercerita (Abdul Rahman, 2000).

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Ensiklopedia Bahasa Tamil *Vaalviyal Kalanjiyam* (1991), mendefinisikan sastera sebagai karya yang mencerminkan identiti sesuatu bangsa dan membentuk manusia yang sempurna. Pengalaman yang telah dialami oleh para penghasil melahirkan karya sastera. Karya sastera bukan sahaja menjadi bahan bacaan yang meriangkan para pembaca, malah menjadi pendorong kepada pembaca untuk menikmati isi kandungannya. Hasil kesusasteraan merangkumi semua bidang dalam kehidupan manusia iaitu, ilmu keagamaan, politik, kebudayaan, perubatan, falsafah, perundangan dan sebagainya. Daripada pernyataan ini, dapat merumuskan kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Hasil kesusasteraan merangkumi semua bidang dalam kehidupan manusia iaitu, ilmu keagamaan, politik, kebudayaan, perubatan, falsafah, perundangan, dan sebagainya.

Novel merupakan sebuah karya kesusasteraan yang wujud sejak kurun ke-18 dahulu lagi. Bahasa Tamil menerima genre sastera baru ini daripada barat (Rajendran, 2000). Sejak akhir kurun ke-18 penulisan novel menarik minat di kalangan penulis Tamil. Jalan ceritanya yang menerapkan nilai murni masih relevan dalam cara hidup masyarakat Tamil di India mahupun di Malaysia jua. Walaupun penulisannya terhad dalam kalangan masyarakat Tamil tetapi kewujudan novel tetap dianggap sebagai khazanah kesusasteraan yang tinggi nilainya sehingga menyelitkan novel dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pengajaran yang ingin disampaikan melalui novel ini haruslah

dijadikan sebagai pedoman hidup masyarakat Tamil kini. Penggunaan pelbagai unsur yang berkaitan dengan kehidupan manusia meninggalkan kesan dalam diri pembaca. Menurut Karthegees (2005), novel telah diselitkan dalam sistem pendidikan di Malaysia kerana jalan ceritanya yang mengandungi nilai murni yang dapat membentuk sahsiah diri seseorang. Walau bagaimanapun, dalam era globalisasi masyarakat Tamil lebih mementingkan kemodenan sehingga melupakan khazanah kesusasteraan. Penghayatan dan pemahaman maksud tersurat dan tersirat dalam novel amat kurang dalam golongan masyarakat Tamil di Malaysia. Pelbagai perbuatan dan tingkah laku negatif yang melibatkan masyarakat Tamil semakin hari semakin berleluasa di Malaysia. Menurut kajian Malaysian Indian Blueprint (2017), 70 % samseng di Malaysia ialah remaja berketurunan India. Walaupun, pelbagai faktor yang mendorong kepada kes jenayah ini, namun kita tidak boleh menafikan kurang pendidikan akhlak merupakan punca utama remaja India terjebak dalam dunia gangsterisme.

Tujuan utama kurikulum tentang kesusasteraan dimasukkan dalam sistem pendidikan Malaysia adalah untuk mewujudkan manusia yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan mental berasaskan Falsafah Pendidikan Negara (FPK). Menurut Karthegees (2005), kini, pengajaran dan pembelajaran sastera Tamil di sekolah hanya diberi keutamaan menulis maksud puisi dalam peperiksaan. Dalam kajiannya, beliau telah menyatakan bahawa 100% guru yang mengajar Bahasa Tamil di SJKT dan sekolah menengah telah bersetuju dengan kenyataan bahawa murid-murid belajar komponen sastera di peringkat sekolah kerana terkandung dalam sukatan pelajaran. Tambahan pula, 79% guru-guru bahasa Tamil di SJKT dan sekolah menengah telah menyatakan bahawa murid-murid mempelajari unsur novel dan maksudnya di peringkat sekolah adalah untuk menjawab soalan peperiksaan sahaja. Oleh itu, murid-murid hanya menghafal komponen sastera serta maksud tersurat dan tersirat bagi menjawab soalan



peperiksaan. Lantaran itu, mereka tidak dapat menghayati aspek kesusasteraan seperti simili, metafora, personifikasi, dan lain-lain lagi. Oleh kerana tiada penghayatan maka minat untuk mempelajari komponen sastera seperti cerpen, novel dan puisi semakin menipis. Tambahan lagi, pelajar sekolah menengah mahupun mahasiswa di menara gading kurang membaca buku cerita. Mereka hanya sekadar menyiapkan diri untuk peperiksaan semata-mata (Sothirajan, 2015)

Sebenarnya sastera membuka ruang kepada murid melengkapkan diri mereka menjadi insan yang mulia. Hasil karya sastera juga memberi kesedaran kepada murid memahami diri sendiri dan diri orang lain. Tambahan pula, penghayatan genre sastera membolehkan murid berfikir secara kritis dan kreatif sejajar dengan dasar pendidikan negara (Noriah, 1996). Kesusasteraan yang membantu pembangunan manusia tidak perlu dihadkan malah ia perlu diluaskan untuk kemajuan negara dan rakyat.

Penggunaan bahasa yang kompleks dan bahasa kiasan sering dijadikan isu utama dalam mengeneikan karya sastera. Penulis tempatan Lim (2000), berpendapat bahawa, jika seseorang tidak memahami dan menghayati maksud metafora yang terdapat dalam sesuatu novel maka metafora itu menjadi kata-kata hiasan yang tidak bermakna. Daripada pernyataan ini, dapat merumuskan seseorang pembaca perlu memahami makna sebenar untuk menghayati karya sastera. Selepas mengatasi masalah memahami bahasa kiasan dalam karya sastera, maka minat membaca dan mencintai karya kesusasteraan pun akan meningkat dalam kalangan masyarakat.

Tambahan lagi, novel-novel yang dihasilkan dari tahun 1930-an hingga kini hampir 90 peratus menggunakan ladang sebagai latar tempat (Sabapathy, 2007). Memandangkan ramai penulis novel seperti A.IIavalagu, A.Rengasamy, C.Muthusamy,

R.Karthigesu berasal dari ladang, mereka lebih selesa menceritakan pengalaman mereka dalam bentuk novel. Ini menyebabkan metafora yang dipilih mempunyai pengaruh fenomena ladang. Kata-kata yang digunakan untuk membentuk metafora mempunyai unsur ladang. Penggunaan ini menyebabkan wujud masalah pemahaman kepada pembaca muda dalam usia 20an tahun yang rata-rata bukan lahir di ladang. Mereka menghadapi kesukaran untuk memahami istilah-istilah ladang yang kian ditenggelami zaman.

Dengan memahami masalah ini, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian yang memudahkan para pembaca memahami dan menghayati unsur metafora, simili, personifikasi dan lain-lain perlu dijalankan bagi memastikan khazanah kesusasteraan ini tidak ditelan zaman. Lantaran itu, kajian ini akan menjadi sumber rujukan kepada sesiapa yang ingin mengetahui, memahami dan menghayati maksud tersurat dan tersirat metafora dalam novel.

### **1.3 Objektif Kajian**

- i) Untuk mengkategorikan jenis metafora dalam novel *Selancar Empat*.
- iii) Untuk menjelaskan perselisihan pendapat tentang maksud metafora antara responden dengan penulis.

### **1.4 Persoalan Kajian**

- i) Apakah jenis metafora yang digunakan dalam novel *Selancar Empat*?
- iii) Apakah perselisihan pendapat antara responden dengan penulis terhadap pemahaman maksud metafora?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Metafora dikatakan bersifat universal dan penggunaan dapat dilihat dalam kehidupan seharian manusia (Lakoff & Johnson, 1980). Pelbagai kajian telah dijalankan oleh pengkaji Barat untuk membuktikan pernyataan ini. Jika metafora bersifat universal maka kewujudannya perlu dilihat dalam semua bahasa yang digunakan oleh masyarakat dunia. Malangnya, kajian dalam bidang metafora yang berkaitan bahasa Tamil amat terhad di Malaysia. Lebih-lebih lagi, kajian metafora dalam novel tidak dipandang serius oleh pengkaji negara kita.

Sememangnya, kajian berkaitan bahasa kiasan secara umumnya banyak telah dibuat di Malaysia. Pengkaji-pengkaji tersebut mengkaji penggunaan bahasa kiasan dalam lagu Tamil, drama Tamil, puisi retorik dalam radio serta novel (Gopalan, 2008). Jelasnya, kajian berunsur bahasa kiasan dalam bahasa Tamil khasnya kajian prosa novel memang terhad. Kekurangan kajian bahasa kiasan dalam prosa novel membuka ruang kepada pengkaji untuk menyumbang kepada literatur yang sedia ada dalam bidang bahasa kiasan bahasa Tamil. Khasnya, novel *Selancar Empat* oleh K.Punniavan menjadi teks pilihan pengkaji dalam kajian ini disebabkan ia dapat menambah dan meluaskan skop kajian yang dibuat oleh Krishnan (2010). Ini kerana kajian oleh Krishnan hanya menumpukan simili dan sebahagian kecil unsur metafora. Manakala kajian ini memfokuskan metafora sepenuhnya.

Kajian ini penting kerana ia akan menambah koleksi kajian yang mengkaji bahasa kiasan dalam prosa Kesusasteraan Tamil iaitu, novel. Kajian ini bakal mengisi jurang yang terdapat pada bidang bahasa kiasan khasnya dalam novel bahasa Tamil. Menurut pengkaji, kajian ini amat penting dan diperlukan kerana sepanjang pengetahuan penulis, setakat ini cuma terdapat beberapa kajian tempatan yang benar-benar tertumpu pada

bidang bahasa kiasan dan yang ada ada tidak dibuat secara menyeluruh. Ini membuka ruang kepada kajian ini.

Selain itu, novel juga memainkan peranan dalam menggambarkan budaya dan cara hidup masyarakat India (Supramani, 2006). Penggunaan metafora secara tidak langsung mengandungi nilai murni yang harus dijadikan pedoman kepada generasi akan datang. Kajian ini akan membantu pembaca memahami pemikiran masyarakat Tamil tentang dunia dan budaya melalui gaya penyampaian metafora. Disamping itu, ia juga akan memberi kesedaran kepada generasi muda tentang budaya dan cara hidup masyarakat Tamil.

Dapatan kajian ini akan memekarkan semula khazanah warisan ini dengan bahasa yang lebih mudah agar masyarakat biasa mudah memahami penerangannya berdasarkan metafora. Kajian ini akan menjadi bahan rujukan kepada masyarakat yang ingin memahami metafora secara lebih dalam.

Tambahan pula, kajian ini akan memberi sumbangan yang lebih besar dalam bidang pendidikan di negara kita. Pelbagai alasan dikemukakan oleh orang-orang tertentu untuk menolak kesusasteraan Tamil sebagai subjek pilihan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Antara sebab yang sering dipertikaikan adalah usaha Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) yang gagal merangka kurikulum khas untuk Kesusasteraan Tamil dan kegagalan guru menyampaikan maksud tersurat dan tersirat dengan cara yang lebih mudah dan berkesan. Dapatan kajian ini akan menjadi panduan kepada guru-guru yang akan mengajar subjek kesusasteraan Tamil. Hal ini akan menimbulkan minat murid untuk menghayati karya kesusasteraan dan menikmati keindahan bahasa serta budaya.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan sebuah novel Tamil tempatan, iaitu *Selancar Empat*. Novel ini ditulis oleh K.Punniavan pada tahun 2013. K.Punniavan merupakan mantan Guru Besar di Kedah. Beliau menghasilkan tiga buah novel. Pada awalnya beliau seorang penulis cerpen yang terkenal di Malaysia. Beliau telah menghasilkan lebih dua ratus cerpen. Beliau telah menghasilkan tiga antologi cerpen. Namun, pengkaji telah memilih *Selancar Empat* sebagai bahan kajian kerana novel ini telah menjuarai pertandingan novel tempatan yang terbaik yang dianjurkan oleh National Land and Finance Cooperation. Pertandingan dwi tahunan ini merupakan antara pertandingan kesusasteraan Tamil yang ulung di negara ini (Somasundram, 2015). Tambahan lagi, latar ceritanya pula adalah dari kisah benar yang berlaku pada tahun 1979 di Felda Selancar Empat, Keratong, Pahang (*Tamil Nesan*, 1979). Novel ini mempunyai 169 muka surat. Jalan cerita *Selancar Empat* mengisahkan kehidupan masyarakat ladang yang ditipu oleh majikan. Masyarakat mereka didera, ditindas dan hidup merana.

Kajian ini membataskan 30 responden yang mengambil kursus Bahasa Tamil di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Mereka dipastikan mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Tamil pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Pemilihan mereka sebagai responden adalah untuk menganalisis perbezaan pemahaman maksud metafora antara mereka sebagai responden pelajar dan penulis novel. Kesemua mereka telah membaca novel *Selancar Empat* kerana ia dijadikan teks wajib dalam analisis novel bagi pelajar tahun tiga. di unit di dalam program bahasa Tamil, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Kajian ini membataskan metafora sahaja. Ini kerana pelajar mudah memahami maksud yang disampaikan oleh simili berbanding metafora. Metafora akan dianalisis berpandukan teori metafora Newmark (1988).

## **1.7 Definasi Operasional**

### **1.7.1 Novel**

Kata asal bagi perkataan novel ialah *novella* yang berasal dari bahasa Itali. Dalam bahasa Itali novel membawa maksud “perkhabaran baru”. Sesuatu genre sentiasa membawa data dan tema. Menurut Ali Ahmad (1978:3), novel dikelaskan di bawah prosa naratif. Penggunaan peristiwa dalam novel bukan benar atau fakta seratus peratus. Pada masa yang sama, kesemua peristiwa yang digambarkan dalam sesuatu novel bukan fiksi semata-mata. Kebiasaannya peristiwa yang benar-benar berlaku dijadikan metafora. Selain itu, penggabungan imaginasi dan fakta penting bagi penghasilan novel yang baik.

Walau bagaimanapun, karya sastera sentiasa menimbulkan pelbagai persoalan dan realiti. Pengarang novel sering menggambarkan situasi yang dialaminya dalam penulisan karya sastera. Pengalaman kehidupan diselitkan dalam karya sastera. Oleh itu, ungkapan “sastera sebagai cerminan masyarakat” adalah amat tepat..

### **1.7.2 Metafora**

Metafora adalah kiasan yang menghubungkan sesuatu objek dengan satu objek yang lain, sesuatu konsep dengan konsep yang lain, benda bersifat konkrit dengan yang bersifat abstrak. Metafora dapat dikatakan sebagai suatu bandingan atau analogi. Kata bandingan seperti *umpama*, *bak* dan *bagai* tidak digunakan. Contohnya, ‘Dia itu singa.’ Subjek *dia* apabila dikatakan seekor singa, merujuk pada sifat keberanian orang itu.

## 1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji telah menerangkan latar belakang kajian tentang penggunaan metafora dalam novel *Selancar Empat*. Pengkaji juga telah menyatakan objektif kajian dan telah menjelaskan kepentingan kajian ini. Seterusnya dalam bab yang berikut kajian-kajian lepas yang relevan dan berkaitan dengan fokus kajian ini akan dibincang.

University of Malaya

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENGENALAN

Bab ini menyetengahkan dapatan kajian-kajian lepas dan pendapat para pengkaji mengenai aspek yang dikaji dalam penyelidikan ini. Tinjauan literatur ini dibahagikan kepada bahasa kiasan dan diikuti pula dengan kajian lepas tentang metafora.

#### 2.1 Bahasa Kiasan

*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995), pula menerangkan bahawa bahasa kiasan ialah perkataan yang digunakan untuk menyindir dan membuat perbandingan dengan perkara yang telah berlaku. Bahasa kiasan juga dikatakan menjadi teladan, pengajaran dan sebagai nasihat. Za'aba (1965), mendefinisikan bahasa kiasan sebagai bahasa yang kiaskan untuk menyatakan sesuatu maksud. Kiasannya tidak menggunakan bandingan semacam.

Gorys Keraf (2000,136), pula berpendapat bahasa kiasan seperti simili dan metafora dibentuk apabila terdapat beberapa perkara yang bercanggah. Perbezaan ini menyebabkan objek atau kata dikiasan. Tambah lagi, Persamaan yang wujud antara kedua-dua perkara juga disamakan sehingga boleh dikiasan. Abdullah Hassan (1993.190), berpendapat makna bahasa kiasan tidak dapat diketahui daripada perkataan yang digunakan untuk menghasilkan bahasa kiasan. Susunan tatabahasa juga tidak dapat menerangkan maksud bahasa kiasan. Tambah beliau, kita harus melihat unsur tersirat bagi mengetahui maksud bahasa kiasan tersebut.

Secara keseluruhannya, fungsi bahasa kiasan adalah untuk menyatakan sesuatu secara tidak langsung. Dengan ini, para penulis dapat menyampaikan mesej secara efektif dan berkesan. Oleh sebab bahasa kiasan menyatakan sesuatu mesej secara



terselindung dengan maknanya dalam bentuk bayangan maka pembayang yang biasa digunakan terdiri daripada unsur alam sekeliling.

Menurut Patrina (2004), bahasa kiasan adalah ungkapan tersirat untuk menggambarkan sesuatu di samping menyampaikan maklumat dengan tepat dan singkat tanpa berputar belit. Abrams (1981), berpendapat bahawa bahasa kiasan adalah penyimpangan maksud yang wujud di dalam kalangan penutur jati sesuatu bahasa. Penyimpangan yang wujud dari penggunaan bahasa standard menyebabkan beberapa erti khusus wujud. Bahasa kiasan juga selain menyampaikan makna secara tidak langsung, juga memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca dan pendengar.

Mengikut Zainal (1965), bahasa kiasan ialah bahasa yang digunakan untuk mengkiaskan sesuatu objek atau kata berdasarkan persamaan dan perbezaan. Kiasannya tidak menggunakan ungkapan bandingan. Contoh ungkapan bandingan adalah ‘seperti’, ‘macam’ dan lain-lain lagi. Tujuan kiasan adalah untuk mengukuhkan perceraian.

Hashim (1987), pula berkata bahasa kiasan merupakan perbandingan yang wujud antara dua perkara yang berlainan cirinya. Walaupun kelainan tetapi masih dapat diperlihatkan adanya sebahagian ciri persamaan. Penggunaan bahasa kiasan sebenarnya memberi kesan terhadap cara hidup dan budaya. Ia juga boleh membina dan membentuk peradaban sesuatu bangsa dan jenis bahasa kiasan yang kita gunakan dalam kehidupan harian boleh membentuk budaya hidup yang tinggi. Gaya bahasa ini juga boleh dijadikan sebagai panduan hidup. Selain itu, bahasa kiasan juga penting dalam bentuk konteks peningkatan intelektual dan tamadun sesuatu bangsa. Penggunaan bahasa kiasan adalah juga mempunyai unsur sastera rakyat.

Sastera rakyat dapat dibahagikan kepada dua jenis. Pertama sastera rakyat naratif. Kedua adalah sastera rakyat bukan naratif. Bahasa kiasan pula digolongkan dalam sastera rakyat bukan naratif. (<http://malaysiana.pnm.my>). Sekiranya bahasa

kiasan hanya digunakan semata-mata untuk mengindahkan bahasa dan bukan untuk menggerakkan jalan cerita dikatakan sastera rakyat bukan naratif. Setiap hari bentuk ini wujud di sekeliling kita tanpa menyedari kewujudannya. Bahasa kiasan ini juga mengandungi unsur-unsur sindiran dan membuat perbandingan dengan perkara yang telah berlaku. Rahim Abdullah (1993:66), berpendapat bahasa kiasan adalah satu syarat untuk melahirkan keputisan sesuatu karya. Dengan kehadiran bahasa kiasan sesuatu karya itu menjadi lebih segar, hidup, indah dan menarik.

## **2.2 Metafora**

Perkataan metafora berasal daripada perkataan Greek. Dalam bahasa Greek metafora bermaksud ‘memindahkan makna’ (Hawkes, 1972). Metafora memberi gambaran yang jelas mengenai sesuatu kerana pemindahan yang dimaksudkan melibatkan pembentukan gambaran atau imej difikiran.

Gaya bahasa yang langsung digunakan dalam metafora. Terdapat juga metafora yang digunakan secara tidak langsung. Perbezaan yang ketara antara kedua-dua ini adalah penggunaan kata-kata umpama, seperti, bah dan lain-lain lagi (Md Nor Abdullah, 2011). Metafora menghubungkan sesuatu objek atau konsep dengan objek lain. Penghasilan metafora dapat dilihat dengan kewujudan beberapa perkataan yang ringkas, padat dan tersusun. Secara ringkasnya, penghasilan sesuatu perkataan atas usaha gabungan itu membawa makna lain untuk tujuan tertentu (Maniyamin, 2006:45)

Konsep metafora yang dikemukakan oleh Aristotle adalah berdasarkan konsep pemberian nama yang dikemukakan oleh Socrates. “A name is a word which ‘belongs to’ something or someone” dan menurut Harris & Taylor lagi, definisi ini mengenalpasti metafora “as the transference of a name to something it does not ‘belong to’” (1991:20). Dengan ini, kesimpulan dapat dibuat bahawa metafora adalah pemberian

nama yang lain kepada sesuatu (Haris dan Taylor, 1991). Metafora juga merupakan gaya bahasa kiasan langsung. Kewujudannya dapat dikesan dengan mudah kerana ia hadir tanpa kata-kata perbandingan seperti bagai, ibarat, bak, laksana dan sebagainya (Md Nor Abdullah, et.al., 2011). Persamaan yang wujud antara dua objek disamakan dan dikiaskan.

Aristotle menganggap metafora sebagai suatu tindak substitusi atau pemindahan (transfer). Mengikut Bahasa Yunani ‘meta bermaksud menyampaikan sesuatu maksud. Manakala, ‘pherein’ bererti ‘membawa’. Dengan kata lain, metafora membawa maksud perpindahan. Sifat yang ada pada sesuatu objek dipindahkan kepada objek lain. Contohnya ayahnya singa. Dalam contoh ini, sifat kegarangan singa dipindahkan kepada ayah.

Selain sebagai tindak substitusi, Aristotle juga meyakini bahawa metafora merupakan suatu bentuk perbandingan yang implisit berdasarkan prinsip analogi. Pandangan seperti ini secara umum dinamakan “the comparison theory of metaphor”. Berkenaan dengan penggunaan atau fungsi metafora, Aristotle menganggap bahawa fungsi utama metafora hanya sebatas bahasa ornamental, hanya sebagai alat retorika (Ortony, 1993: 3).

Menurut Haris dan Taylor (1991), konsep metafora yang dikemukakan oleh Aristotle adalah berdasarkan konsep pemberian nama yang dikemukakan oleh Socrates. “A name is a word which ‘belongs to’ something or someone” dan menurut Harris & Taylor lagi, definisi ini mengenalpasti metafora “as the transference of a name to something it does not ‘belong to’” (1991:20) Dengan ini, kesimpulan dapat dibuat bahawa metafora adalah pemberian nama yang lain kepada sesuatu.

*Kamus Linguistik* (1983) oleh Harimurthi menyatakan bahawa persamaan dan perbandingan yang wujud antara dua perkara ini dikiaskan. Kiasannya

menggunakan kata dan frasa yang berlainan untuk melahirkan maksud yang berbeza dengan perkataan yang digunakan. . Contoh yang diberikan ialah:

*'kaki ayam, dan 'kaki bukit'.*

Kedua-duanya berdasarkan kiasan dengan kaki manusia dan merupakan contoh-contoh metafora beku. Keraf (1994) menyatakan bahawa metafora membandingkan secara langsung tanpa had. Pembaca dapat mengenal pasti maksud yang ingin disampaikan melalui metafora. Penggunaan perkataan agak singkat. Sementara itu, metafora membandingkan dua perkara yang berbeza pada satu-satu ketika. Kedua-dua perkara yang diperbandingkan itu mempunyai sifat yang sama. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa metafora adalah perbandingan implisit. Walaupun perkataan dan frasa yang digunakan adalah singkat, tersusun, padat dan rapi namun pembaca dapat memahami makna metafora tersebut.

Menurut Lakoff dan Johnson (1980), ramai orang beranggapan bahawa metafora ialah hasil daripada imaginasi tulisan dan penggunaan bahasa retorikal secara berbunga-bunga. Sebenarnya metafora wujud tanpa kesedaran kita. Perubahan tingkah laku membolehkan kita berfikir dan meluahkan dalam bentuk metafora. Ia melambangkan struktur secara semulajadi cara kita melihat, berfikir dan cara kita bertindak.

Keris Mas (1988), pula berpendapat bahawa metafora ialah kiasan yang digunakan untuk menjelaskan konsep yang abstrak dengan menggunakan konsep yang konkrit. Idea ialah satu konsep yang sukar untuk didefinisikan. Oleh itu, kita beralih kepada konsep konkrit yang boleh memerihalkan 'idea' tersebut dengan menunjukkan atau membandingkan sifat yang wujud dalam tumbuhan, makanan, manusia dan sebagainya. Dengan ini, 'idea' yang bersifat abstrak ini dapat diterangkan dengan menggunakan konsep konkrit.

Bagi Wong (1997:64), metafora membawa makna tersirat. Metafora tidak boleh menyampaikan maksud secara tersurat. Jadi maksud yang disampaikan dalam metafora adalah implisit. Perkataan atau frasa yang digunakan membawa maksud yang berbeza dengan perkataan dan frasa yang digunakan dan ia mudah difahami (Rahman Sari,1993). contoh, raja sehari merujuk pada pasangan yang berkahwin. Pada hari perkahwinan mereka mendapat layanan istimewa daripada kaum keluarganya. Layanan istimewa yang selalu diperoleh oleh raja dimetaforakan kepada pasangan yang baru berkahwin.

Metafora juga adalah suatu bentuk perbandingan. Metafora membandingkan dua perkara yang sama mahupun tidak. Perbandingan ini tidak disertakan dengan penggunaan kata 'seperti', 'macam' dan 'bagai'. Contohnya, simili menekankan gadis itu cantik seperti bulan. Manakala, metafora pula menyatakan gadis itu bulan. Di sini dapat melihat perbandingan dan maksudnya secara implisit.

Selain itu, terdapat dua perkataan ketika kewujudan metafora, iaitu perkataan bersifat abstrak dan perkataan bersifat konkrit (Herman ,1995). Penggunaan perkataan-perkataan yang ringkas dan padat dapat dilihat dalam metafora. Perkataan metafora bersifat konkrit dan abstrak menjadi objek untuk difikirkan, Objek abstrak sentiasa dibandingkan dengan objek konkrit. Contohnya, metafora "api kebencian", dan "lautan neraka".

Safian (1988), menerangkan bahawa metafora ialah metafora menyatakan sesuatu lain daripada yang sebenarnya berdasarkan persamaan atau perbandingan. Metafora ialah satu bentuk kiasan yang melambangkan sesuatu benda dengan sesuatu benda atau fenomena lain bagi menyamakan kedua-duanya dari segi fizikal, sikap dan juga kesan atau implikasinya.

Menurut Muhamad (1988: 29), penggunaan metafora wujud sejak tamadun awal manusia. Metafora digunakan dalam bentuk kiasan iaitu menyatukan ciri yang wujud antara dua objek untuk menyampaikan satu makna yang berlainan. Kaedah ini membolehkan seseorang penulis menyampaikan makna secara berkesan. Ia juga memberi nilai estetika kepada bahasa itu sendiri.

Muhamad Haji Salleh (1988), menyatakan pembaca dapat menghalusi sebab sesuatu objek dipilih untuk dimetaforakan. Persamaan dan perbezaan yang wujud antara kedua-dua objek membolehkan kita memindahkan maksudnya.

Muhamad Haji Salleh (1988), menyatakan penggunaan kata yang ringkas, padat dan tersusun untuk mengolah dan melahirkan metafora dapat menghasilkan karya yang bermutu. Tambahan lagi, daya imaginasi, kehalusan pemilihan bunyi dan keindahan bahasa kiasan (metafora, simili) yang tepat dan pemilihan diksi yang sesuai akan melahirkan karya sastera yang bermutu tinggi. Akhirnya, ia membantu menyampaikan fikiran, perasaan dan wawasan penting kehidupan.

Menurut Keris Mas (1988:150), metafora juga dikenali sebagai perumpamaan. Walau bagaimanapun, metafora tidak terikat lagi kepada makna dua lapis dan tidak pula memerlukan pengutaraan perkara yang dijadikan perbandingan. Justeru, metafora dikatakan sebagai satu ungkapan atau simpulan bahasa bermakna bandingan. Seperkara lagi, metafora juga dapat berdiri sendiri sebagai unit sendiri mengambil tempat dan berfungsi sendiri dalam struktur sintaksis.

Ibrahim (2008:20), menjelaskan metafora sebagai proses linguistik yang melibatkan perpindahan makna pada objek tersebut. Metafora berfungsi sebagai

penggantian sesuatu kata lain yang harifah dengan kata lain yang figuratif. Kedua-dua objek mesti mempunyai ciri-ciri yang sama. Baharu proses penggantian akan wujud.

Ibrahim Ahmad, menggariskan enam jenis metafora. Antaranya :

- i. Metafora usang – penggunaan kiasan ringkas dan mudah
- ii. Metafora lapuk – Meniru kiasan orang lain tanpa memikirkan kesesuaiannya
- iii. Metafora ranca – gabungan dua atau lebih unsur bandingan
- iv. Metafora luasan – Metafora bersifat luasan.
- v. Metafora klise – Membandingkan sesuatu peristiwa daripada sumber tertentu.
- vi. Personifikasi – Objek bukan manusia diberi sifat manusia

Ada juga pelopor yang menyatakan bahawa simili dan metafora adalah berkait rapat antara satu sama lain. Kedua-duanya merupakan gaya bahasa perbandingan. Perbezaan yang ketara ialah kiasan simili menggunakan kata-kata seperti; bagai, seperti, bagaikan dan sebagainya. Manakala kiasan metafora tidak menggunakan kata-kata perbandingan seperti itu. Ia merupakan perbandingan langsung.

Larson (1980), menyatakan metafora dan simili berbentuk gramatis yang mewakili dua proposisi di dalam struktur semantik. Proposisi mengandungi topik dan komen terhadap topik tersebut. Contohnya dapat dilihat seperti berikut:

- contoh metafora - Dia bunga.
- contoh simili - Dia seperti bunga.

Daripada dua contoh di atas didapati metafora dan simili tiada banyak perbezaan. Penggunaan kata bandingan yang menentukan sama ada ia adalah metafora atau simili. Contoh yang sama dapat kita lihat dalam kiasan bahasa Tamil.

Namun, struktur bahasa Metafora dalam bahasa Tamil amat berbeza daripada struktur bahasa Melayu dan Inggeris. Ini dapat kita lihat dalam contoh berikut:

<b>Kiasan (Metafora)</b>	-	<b>Terjemahan</b>
Muga mathi	-	bulan ialah wajahnya
<b>Maksud:</b>		
Mugam	-	wajah(nya)/ muka
Mathi	-	bulan

Metafora yang terbentuk dalam bahasa Tamil hanya dapat difahami setelah menyedari maksud yang dibawa oleh struktur bahasa itu sendiri. Dalam contoh *muga mathi* di atas, susunan kata yang wujud dalam simili diterbalikkan untuk membentuk metafora.

Untuk memahami perbezaan yang terdapat antara simili dan metafora dalam bahasa Tamil, kita harus melihatnya secara perbandingan seperti berikut:

<b>Kiasan (simili)</b>	-	<b>Terjemahan</b>
i) Mathi mugam	-	wajah bulan
ii) Mathi poondra mugam	-	wajah seperti bulan
<b>Maksud</b>		
mathi	-	bulan
mugam	-	muka
poondra	-	seperti

Kedua- dua contoh ialah simili. Walaupun, contoh pertama (i) tidak mengandungi kata bandingan, frasa tersebut masih berfungsi sebagai simili. Manakala dalam contoh (ii) pula, kata bandingan 'seperti' digunakan dan jelas memperlihatkan ciri simili. Ini bererti struktur bahasa simili dalam bahasa Tamil boleh berfungsi dengan kata bandingan atau tanpa kata bandingan.



### 2.2.1 Metafora dari perspektif bahasa Tamil

Menurut Rajagopalachariyar (1963), bahasa kiasan simili dan metafora mempunyai pertalian yang rapat. Dalam simili terdapat kata bandingan. Metafora tidak membandingkan akan sesuatu objek secara berasingan. Sebaliknya perkara yang dibandingkan sudah sedia wujud dalam metafora. Contoh di bawah, menjelaskan perbezaan terperinci akan metafora dengan simili.

#### Contoh 1: **Simili**

Contoh: மதி போன்ற முகம்  
Bulan bagai muka ( terjemahan terus)  
Muka bagai bulan

#### Contoh 2: **Metafora**

Contoh: மதிமுகம்  
Bulan muka ( terjemahan terus)  
Muka bulan

Metafora berfungsi mengindahkan karya sastera (Cuburetiyar,1988). Penggunaan metafora bukan sahaja mengindahkan bahasa malah menambat hati pembaca agar terus membaca karya sastera. Ini dapat menyimpulkan bahawa metafora memainkan pelbagai peranan dalam penghasilan karya sastera termasuk puisi, sajak, novel dan sebagainya. Beliau juga menyatakan manusia sering membuat perbandingan antara dua perkara. Ia merupakan kejadian semula jadi. Sikap membanding ini diterapkan dalam hasil karya. Walaupun benda yang dibandingkan tidak sepadan namun jiwa manusia masih membandingkannya. Proses membandingkan objek membolehkan pelbagai bahasa kiasan wujud.

Penggunaan simili akan membezakan dua benda walaupun mempunyai ciri yang sama. Tetapi metafora akan menyatakan dua benda berbeza menjadi satu benda (Kailasapathy,1970). Tambah lagi, simili menggunakan kata perbandingan dan metafora

pula tidak menggunakan kata bandingan. Selain itu, simili digunakan untuk mewujudkan kepuhitan dalam hasil karya. Metafora pula lebih mendalam maksudnya. Metafora mencungkil daya pemikiran.

Seperkara lagi, metafora memainkan peranan penting dalam menyampaikan makna dan tema sesebuah novel. Kedua-dua bahasa kiasan ini mendorong pembaca untuk menghayati karya sastera dengan lebih mendalam. Beliau menambah, penggunaan metafora merupakan asas dalam sesuatu hasil penulisan sastera. Metafora memudahkan kerja seseorang penulis untuk memberikan penerangan selebar-lebarnya. Penggunaan metafora membolehkan seseorang memahami maksud dengan mudah. Penggunaan objek dan pemindahan makna antara dua perkara yang tidak boleh dipisahkan dalam melahirkan metafora. Selain itu, aspek penggantian, analogi, perbandingan dan maksud tersirat juga perlu diambil kira dalam proses penghasilan metafora.

Metafora adalah kiasan menghubungkan satu konsep atau objek kepada konsep atau objek yang berlainan. Metafora memberikan sifat konkrit kepada sesuatu yang bersifat abstrak. Metafora dapat dikatakan sebagai suatu bandingan atau analogi. Kata bandingan seperti '*umpama*', '*bak*' dan '*bagai*' tidak digunakan. Metafora terdiri daripada komponen sumber yang bersifat konkrit manakala yang bersifat abstrak dikenali sebagai komponen sasaran (Hatch & Brown,1995). Komponen sumber menjadi penerang kepada sasaran yang disertai dengan proses pemindahan ciri-ciri yang ada pada sumber kepada sasaran.

Richards (1967), menyatakan bahawa metafora adalah pemikiran. Beliau juga berpendapat penggunaan metafora bukan hak segolongan masyarakat yang cerdik

pandai, malah metafora wujud dalam pertuturan harian manusia. Richard membahagikan metafora kepada 3 elemen iaitu *tenor* (sumber sasaran) (SS), *vehicle* (sumber domain) dan *ground* (konteks). *Tenor* atau *Target Domain* (TD) (sumber sasaran) (SS) bermaksud konsep atau objek yang dibandingkan, dikiaskan dan dilambangkan. *Vehicle* atau Source Domain (SD) (sumber domain) bermakna kata-kata kiasan itu sendiri. Manakala, Ground atau Sense (G) (konteks) merupakan hubungan antara *Tenor* atau *Target Domain* (TD) (sumber sasaran) (SS) dan *Vehicle* atau Source Domain (SD) (sumber domain). Melalui pembahagian elemen ini, konsep metafora mewujudkan hubungan antara objek metafora dan menghasilkan makna melalui pemahaman mengenai objek lain. Menurut Richards (1967), manusia tidak boleh bertutur tanpa menggunakan metafora dalam kehidupan harian (Lee, 2001).

Newmark (1988), berpendapat metafora merupakan perbandingan yang tidak langsung yang dibuat antara dua objek yang berlainan. Newmark membezakan metafora kepada enam jenis iaitu metafora mati, metafora cliché, metafora normal, metafora yang diadaptasi, metafora terkini dan metafora asli. Klasifikasi metafora Newmark digunakan untuk menjawab persoalan kajian 1.

Mohamad Fazlon Abdul Wahab (2016), menjelaskan bahawa penggunaan metafora dalam penulisan mengindahkan bahasa, memantapkan pemikiran secara kreatif dan menarik minat pembaca. Menurut beliau, penggunaan metafora dalam penulisan menjadikan bahan tersebut lebih bermutu dari segi bahasa dan kosa kata.

Kajian Beger (2012), menyatakan bahawa metafora langsung digunakan oleh pensyarah pusat pendidikan tinggi untuk menarik minat siswazah dalam pengajaran dan pembelajaran. Beliau menjelaskan bahawa penggunaan pelbagai jenis metafora tidak

akan merosakkan peraturan bahasa. Malah ia akan mengindahkan bahasa. Penutur bahasa tersebut akan berasa kagum dengan kewibawaan bahasanya sendiri

Kesimpulannya, metafora merupakan satu perbandingan terus. Objek yang dibandingkan dan kena banding memiliki sifat yang sama. Pada masa yang sama, metafora mempunyai maksud secara tersirat.

### **2.3 Kajian tentang metafora**

Selvi (2018), telah menjalankan kajian terhadap lirik lagu-lagu tempatan telah mengkaji unsur metafora dan simili yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tempatan. Kajiannya berfokus pada jenis-jenis metafora digunakan dalam lagu-lagu tersebut. Selain itu, kajian juga memfokuskan sebab penggunaan metafora dan simili dalam lagu-lagu tersebut. Dapatan kajian pula menunjukkan bahasa Tamil menjadi pilihan utama dalam penulisan lagu tempatan. Tambah lagi, penggunaan metafora dan simili secara sengaja atau terancang berlaku dalam lagu-lagu ini.

Kajian yang dijalankan oleh Shamalah (2017), juga menekankan penggunaan metafora dalam *muthurai*. Kajian berfokus pada pemetaan fikiran mahasiswa terhadap maksud metafora yang terdapat dalam *muthurai*. Dapatan kajian dianalisis mengikut teori Lakoff dan Johnson (1980). Kajian yang memfokuskan 17 *muthurai* mendapati kesemua *muthurai* mempunyai metafora. Tambahan lagi, terdapat metafora ontologi dan orientasi digunakan dalam *muthurai*.

Zheng, (2015) telah menggunakan teori konseptual metafora Lakoff dan Johnson (1980) untuk menunjukkan makna bagi warna merah dan putih dalam kalangan masyarakat Cina. Objektif utama kajiannya adalah untuk melihat makna secara lisan

dan metafora bagi warna merah dan putih dengan menggunakan teori metafora linguistik Lakoff dan Johnson (1980). Kajian bersifat kualitatif ini, menggunakan dua buah kamus bahasa Cina iaitu Xz "*Xinhua Dictionary*" dan XHC "*The Contemporary Chinese Dictionary*" serta akhbar harian Cina iaitu "*China Daily*" sebagai sampel dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, beliau telah mengenal pasti makna metafora bagi warna merah dan putih. Warna merah dan putih digunakan untuk merujuk konsep seperti emosi, sosial, politik dan ekonomi. Antara benda yang digunakan untuk merujuk warna ini adalah seperti susu, itik, kain sutera, kasut, kayu, bunga, darah dan lain-lain lagi. Pemetaan tentang warna dilakukan merujuk kepada sifat dan ciri benda yang dimetaforakan. Beliau juga menerangkan konsep metafora warna dengan merujuk kepada sumber domain (source domain) dan sumber sasaran (target domain) yang telah diterangkan oleh Lakoff dan Johnson (1980) dalam teori mereka.

Nurul Sabrina (2015), telah mengkaji penterjemahan metafora dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kajian ini bertujuan meneliti strategi-strategi penterjemahan yang digunakan dalam penghasilan makna metafora. Di samping itu, pengkaji telah mencari unsur metafora bagi konsep kemiskinan menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) dalam kajian ini. Sebanyak 66 sampel telah dianalisis untuk mencapai objektif kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan metafora personifikasi paling banyak digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan. Pengkaji kajian ini telah membuat pemetaan untuk konsep kemiskinan, iaitu kemiskinan sebagai ujian, kemiskinan sebagai cermin hidup, kemiskinan sebagai kesedaran, kemiskinan sebagai rahmat, kemiskinan itu keindahan, kemiskinan itu kenikmatan dan

kemiskinan menjadi dorongan. Benda dan kejadian alam seperti hati yang sebak, pokok, banjir dan sebagainya digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan.

Kovecses (2015), telah membuat kajian terhadap penggunaan metafora dalam filem bahasa Sepanyol dengan menggunakan kaedah tinjauan. Penggunaan metafora dalam filem memudahkan sesuatu ungkapan disampaikan dengan lebih menarik dan menyembunyikan maksud tersirat. Beliau juga menggambarkan sejak beberapa dekad kebelakangan ini metafora banyak digunakan dalam perkataan, frasa, dan ayat. Penggunaan metafora dalam perbualan dapat menunjukkan emosi yang terpendam dalam dirinya kepada pendengar.

Ruzanna dan Rozaimah (2014), dalam kajiannya telah meneliti maksud tersirat metafora konseptual yang terdapat dalam "*Skrip Teater Wangi Jadi Saksi*". Pengkaji menganalisis data kajian dengan teori semantik kognitif yang melibatkan skema imej Johnson dan metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat 3 jenis metafora konseptual, iaitu ontologi, orientasi dan struktural dan 10 jenis skema imej wujud dalam "*Skrip Teater Wangi Jadi Saksi*". Antara jenis metafora konseptual yang paling banyak terdapat dalam skrip ini ialah metafora ontologi yang menerangkan benda-benda yang abstrak seperti emosi, idea dan kejadian persekitaran. Jenis metafora ini sangat penting dalam penghasilan skrip teater yang lebih memerlukan perasaan. Antara perasaan yang telah dikenal pasti dalam skrip ini ialah marah, kasih, malu, dendam, sedih dan benci. Pemetaan bagi emosi-emosi ini adalah seperti marah adalah api, kasih adalah ikatan, rindu adalah bekas, malu adalah kotor dan sebagainya. Manakala, metafora orientasi yang terdapat dalam skrip ini dapat dilihat dengan pembahagian antara tata tingkat golongan yang perintah diletakkan di atas dan diperintah pula diletakkan di bawah.

Nurul Nadia dan Sabariah (2014), dalam kajian telah mengkaji penggunaan metafora haiwan iaitu kucing dalam peribahasa Melayu dan Inggeris. Mereka telah menggunakan Teori Metafora Lakoff dan Turner (1989) yang menyatakan kucing bersifat tidak tetap pendirian dan berdikari. Pengkaji ingin melihat kebenaran pernyataan ini dengan merujuk peribahasa bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang berkaitan dengan kucing. Objektif utama kajian ini adalah meneliti persamaan dan perbezaan maksud yang wujud dalam peribahasa Melayu dan Inggeris yang menggunakan kucing sebagai metafora.

Daripada 28 peribahasa, iaitu 15 peribahasa bahasa Inggeris dan 13 peribahasa bahasa Melayu yang dianalisis, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persamaan dan perbezaan makna untuk metafora kucing dalam peribahasa bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dalam kedua-dua bahasa ini, kucing dianggap sebagai berwibawa, bahaya dan tidak boleh percaya. Manakala, perbezaan makna yang wujud dalam bahasa Inggeris ialah kucing dianggap sebagai pengecut, tidak berguna dan malas. Dalam bahasa Malaysia pula kucing dianggap sebagai mengambil kesempatan, cuai dan tidak malu. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dalam pentafsiran makna metafora kucing dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Apabila, mengaitkan dapatan kajian dengan teori Lakoff dan Turner (1989), pentafsiran makna untuk kucing memang tidak sama dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Perbezaan yang wujud dalam memahami makna sesuatu benda yang dijadikan metafora bergantung kepada faktor sosial dan budaya sesuatu kaum.

Delbaere (2013), telah mengkaji metafora yang digunakan untuk merujuk ubat dan penyakit. Beliau telah menggunakan kerangka teori konseptual metafora Lakoff dan Johnson (1980). Walau bagaimanapun, beliau telah membuat suatu pemetaan yang

baharu tentang ubat dan penyakit dengan menganalisis data kajian-kajian lepas. Pemetaan tersebut telah digunakan untuk melihat persamaan dan perbezaan yang wujud dalam data kajiannya. Dalam menjalankan kajian ini, beliau telah memilih 2 buah majalah kesihatan pengguna, 5 buah jurnal yang ditulis oleh doktor dan ulasan pengguna (pesakit) dalam laman web “*www.askapatient.com*”. Hasil kajian telah menunjukkan persamaan antara konsep ubat dan penyakit yang dibina oleh pengguna dan doktor. Namun begitu, terdapat juga pemetaan yang berbeza bagi sesetengah konsep seperti *Medicine is Magic*. Terdapat juga pemetaan yang positif dan juga negatif bagi konsep ini. Menurut pandangan pesakit yang sembuh melalui ubat menganggap ubat itu sebagai penawar yang telah menghilangkan penyakit. Manakala, pesakit yang hidup merana dengan kesan ubat yang dimakan pula mentaksir ubat sebagai sihir. Pemahaman tentang sesuatu metafora dan konsepnya akan ditentukan oleh konteks dan pengalaman hidup manusia.

Mashak (2012), dalam kajiannya menggunakan Teori Linguistik Metafora Emosi Kovecses (2002) dan juga Lakoff & Johnson (1980). Dalam menjalankan kajian ini, beliau telah memilih 782 metafora yang berkaitan dengan emosi dari artikel, karya sastera dan kamus. Kajian ini memfokuskan 2 objektif utama, iaitu mengkategorikan emosi kepada metafora emosi di bawah sumber dan sasaran (Lakoff & Johnson, 1980) dan metafora emosi dibanding bezakan dengan maksud konseptual dan literasi. Antara emosi yang telah dibincangkan dalam kajian ini adalah kemarahan, kegembiraan, kesedihan, ketakutan dan percintaan.

Pembahagian antara emosi yang positif dan negatif dalam kajian ini diterangkan dengan kerangka teori metafora orientasi Lakoff dan Johnson (1980) iaitu *Happiness is up ; Sadness is down*. Metafora yang digunakan untuk menunjukkan emosi ini dapat



dilihat melalui penggunaan kata-kata dalam kedua-dua bahasa. Contohnya, bagi menerangkan emosi kegembiraan perbuatan haiwan yang berkokok dan berkicau dijadikan metafora. Manakala, emosi kemarahan pula diterangkan dengan kata-kata seperti didih dan pecah. Daripada 782 metafora emosi yang dikaji dalam kedua-dua bahasa, metafora yang melambangkan emosi dalam kedua-dua bahasa ini lebih kurang sama, iaitu sebanyak 51% sama, 47% lebih kurang sama dan 2% berbeza (Mashak, 2012).

Fadaee (2012), dalam kajian novelnya *animal farm* menyatakan metafora memainkan peranan yang penting dalam pertuturan sesuatu konteks. Dalam kajiannya beliau menerangkan metafora memainkan peranan penting sebagai alat bahasa untuk menyatakan maksud secara ringkas. Beliau juga mentafsirkan penggunaan metafora akan mengindahkan komunikasi secara implisit, jika dibandingkan dengan pertuturan biasa. Kajian tersebut telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data.

Liew (2010), dalam kajiannya menganalisis jenis metafora dan faktor-faktor item leksikal yang digunakan dalam puisi tradisional bahasa Cina. Kajian dijalankan kepada 30 buah puisi yang melibatkan 122 leksikal metafora secara kuantitatif. Kesemua puisi bahasa Cina berunsur falsafah yang ditulis pada zaman Dinasti Tang dan Song. Beliau telah membandingkan maksud denotasi dan metafora dalam kajiannya. Liew, F.Y. (2010), juga mengkategorikan metafora mengikut 3 jenis, iaitu berdasarkan sintagmatik, imej dan konsep. Faktor-faktor dalam penghasilan puisi, iaitu konteks, metafora yang digunakan sebelum, konsep universal dan pengalaman serta budaya juga turut dijadikan komponen penting perbincangan kajian ini. Dalam kajian ini, beliau

menyatakan benda-benda yang dijadikan metafora dalam puisi klasik bahasa Cina untuk menerangkan nilai murni yang ada pada manusia.

Unsur-unsur dalam flora dan fauna yang mempunyai nilai yang tinggi dalam kalangan masyarakat Cina seperti bunga laurel, reriang, embun, bunga orkid dan emas dijadikan metafora kepada nilai murni seperti amanah, jujur, bersih, suci dan menghargai masa. Manakala, benda seperti ikan jeruk yang mempunyai nilai sosial yang rendah pula dikaitkan dengan nilai negatif yang ada dalam diri manusia seperti tidak amanah. Pembahagian nilai positif dan negatif dalam kajian ini adalah berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980), iaitu metafora orientasi ruang. Nilai positif dikaitkan dengan konsep orientasi ruang atas, manakala nilai negatif dikaitkan dengan konsep orientasi ruang bawah. Terdapat juga pengklasifikasian sifat objek mengikut metafora ontologi dalam kajian ini.

Selvajothi (2009), telah mengkaji penggunaan metafora dalam *Thirukural*. Dalam menjalankan kajian ini beliau telah mengkaji 270 kuplet iaitu sejenis puisi klasik Tamil dua baris untuk melihat penggunaan gaya bahasa ini. Unsur-unsur seperti flora, fauna, benda, peralatan, makanan, tuhan, dan alam telah dikenalpaasti sebagai metafora yang digunakan oleh penulis ,Thiruvalluvar. Selain itu, pengkaji telah mengaitkan unsur-unsur ini untuk menunjukkan pemikiran masyarakat Tamil tentang dunia ini. Beliau juga menyatakan bahawa penggunaan metafora dalam sastera dapat mewujudkan masyarakat yang berfikir secara kreatif dan kritis dalam kalangan pembaca.

Ang (2006), menjalankan, kajiannya terhadap penggunaan metafora dalam mesej pesanan ringkas (SMS), dalam kalangan remaja berbangsa Cina. Dapatan kajian ini menunjukkan bentuk leksikal yang mengandungi metafora digunakan semasa

menghantar mesej adalah untuk menyampaikan pesanan secara ringkas dan padat. Remaja Cina menggunakan unsur metafora kerana tulisan bahasa Cina yang bersifat piktograf. Mereka menghadapi kesukaran untuk menjadikannya kata singkatan seperti bahasa Inggeris. Beliau membahagikan metafora mengikut domain percintaan, persahabatan, bertanya khabar, mengucapkan selamat tinggal dan motivasi. Contohnya, bagi merujuk persahabatan benda seperti mata wang, laut dan air dijadikan metafora. Manakala, bagi cinta pula benda-benda seperti cermin, air dan bunga dijadikan metafora. Pemilihan benda-benda ini adalah berdasarkan kepada ciri benda itu yang memudahkan pembaca mesej mengaitkannya dengan maksud yang ingin disampaikan oleh penghantar mesej. Contohnya, penggunaan unsur air yang dituang merujuk kepada kejadian menyakitkan hati orang yang disayangi. Kata-kata yang melukakan hati kekasih adalah sebagai air yang dituang. Item leksikal seperti ini telah dikenal pasti dalam penghantaran mesej.

Metafora personifikasi dalam laras bahasa iklan cetak telah menjadi tajuk perbincangan Lwi (2004), yang meletakkan 3 persoalan untuk menganalisis sampel kajian. Beliau telah meneliti unsur dan kepentingan personifikasi dalam bahasa iklan cetak barangan elektronik. Dalam menganalisis data kajian, pengkaji telah menggunakan teori metafora yang dikemukakan oleh Nilsen dan Pace (1978). Nilsen dan Pace (1978), telah membahagikan metafora kepada 5 jenis iaitu, *deification*, *personification*, *animalification*, *plantification* dan *reification*. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji hanya memberi fokus kepada metafora jenis personifikasi sahaja. Daripada 90 buah sampel iklan barangan elektrik yang dipilih daripada akhbar *Star* bulan Oktober dan November 2003, 40 buah iklan yang unik dan mengandungi metafora personifikasi sahaja telah dianalisis untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajiannya menerangkan unsur personifikasi paling banyak terdapat dalam laras bahasa

iklan untuk merujuk barang-barang elektrik. Sifat dan perlakuan manusia seperti bercakap, berjalan, ketawa, bekerja, berani, semangat, inspirasi, cepat, pintar dan sebagainya telah dijadikan personifikasi untuk merujuk barangan elektrik. Dalam iklan-iklan ini barangan elektrik seperti penghawa dingin, kamera-video, alat pemanas air, telefon bimbit dan komputer serta jenama barangan elektrik umpama *Sharp, Acer, Samsung, Yamaha, Toshiba* dan sebagainya telah diberi sifat manusia. Contohnya, iklan tentang sebuah alat pemanas air yang mengatakan jenamanya ketua kepada semua jenama lain di dunia ini. Dalam iklan ini, alat elektrik itu telah diberi sifat manusia, iaitu ketua. Penggunaan unsur personifikasi dalam iklan ini telah memberi kesan positif kepada pengguna untuk membeli sesuatu produk.

Kebijaksanaan masyarakat Melayu menjadikan anggota badan sebagai lambang dalam menyampaikan mesej telah dibuktikan oleh Patrina (2004). Teks Antologi Kesusasteraan Melayu Tingkatan 1 hingga 4 telah dijadikan sampel kajian untuk melihat penggunaan bahasa kiasan dalam teks-teks itu. Kajian ini dihadkan dengan meneliti bahasa kiasan yang merujuk unsur anggota tubuh badan manusia sahaja. Kajian ini menjelaskan bahasa kiasan wujud berasaskan hubungan dan pandangan manusia tentang benda-benda di sekeliling mereka. Lakoff dan Johnson (1980) mengemukakan pandangan tentang peribahasa juga mengandungi ciri metafora. Namun begitu, Patrina (2004) telah memisahkan metafora dan peribahasa kepada dua konsep yang berlainan. Anggota badan seperti muka, telinga, mata, hidung, lidah, hati, dada dan perut telah dikenal pasti sebagai metafora yang digunakan untuk merujuk ciri benda dan sifat manusia.

Kajian tentang kewujudan metafora dan simili dalam lirik lagu bahasa Melayu telah dijalankan oleh Johari (2004). Beliau menganalisis bahasa perbandingan yang

digunakan dalam lirik lagu Siti Nurhaliza. Makna sebenar yang terkandung dalam lirik lagu itu juga turut dikaji. Mesej yang terserlah dalam kajian ini secara tidak langsung menghubungkan maksud setiap diksi dengan maksud kamus dan maksud yang tersirat. Hasil dapatan kajian ini memperkasakan bahasa kiasan yang terdapat dalam kalangan orang Melayu yang termaktub dalam lagu Melayu.

Sakina (2000), meneliti penggunaan metafora dalam bahasa Melayu dengan menganalisis cerpen dari dua naskah surat khabar utama, iaitu *Berita Minggu* dan *Mingguan Malaysia* dari Januari hingga Disember 1996. Tujuan kajian ini adalah bagi mencari unsur metafora yang terdapat dalam bahasa Melayu. Dalam kajian ini, Sakina (2000) berjaya menunjukkan dua medan metafora yang wujud dalam bahasa Melayu, iaitu manusia dan alam. Beliau membahagikan medan sumber manusia kepada 2 elemen, iaitu yang pertama pembahagian anggota badan dari kepala hingga ke kaki dan yang kedua ialah perlakuan manusia seperti berfikir, menerima, menyapa, memamah, menelan, meluahkan, jenguk, mencuit dan sebagainya. Manakala, unsur alam seperti air, api, tanah, tumbuhan dan haiwan telah dikategorikan di bawah medan sumber alam.

Tambahan pula, beliau menganalisis struktur dan ciri metafora yang dikemukakan oleh pakar dalam bidang metafora, iaitu komponen sasaran dan sumber, perhubungan budaya dan bahasa serta sistem konsep pengguna metafora. Hasil kajiannya juga membuktikan metafora yang digunakan dalam sesuatu karya menunjukkan sistem konsep penutur yang merangkumi budaya. Dapatan kajian ini juga menyatakan rasa, warna, kegadisan, barang kemas dan tumbuhan telah dijadikan sumber metafora untuk menerangkan sumber sasaran seperti cinta, perkhawinan, hati dan agama. Sakina Suffian (2000), telah membuat beberapa pemetaan baharu dengan sumber metafora alam dan manusia menggunakan teori Lakoff dan Johnson (1984).

Antara pemetaan tersebut ialah cinta sebagai tumbuhan, cinta sebagai air, hati sebagai manusia, hati sebagai objek, agama adalah perlu, dosa adalah kekotoran, emas adalah berharga dan sebagainya.

## **2.4 Kesimpulan**

Pengkaji-pengkaji metafora akur bahawa gabungan dua perkataan menghasilkan suatu perkara baharu. Bahasa kiasan memperlihatkan keindahan dalam sastera (Awang, 1996). Situasi ini dapat dilihat pada aspek bunyi, ungkapan dan ayat. Di samping mengindahkan bahasa, penggunaan kiasan seperti simili, metafora, personifikasi dan hiperbola turut memperlihatkan kehalusan bahasa tersebut. Ungkapan yang mengandungi unsur kiasan ini digunakan di dalam penulisan sastera bukan semata-mata untuk mengindahkannya tetapi juga untuk menyalurkan mesej secara tidak langsung.


## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini menghuraikan secara terperinci tentang reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan proses penganalisan data. Prosedur yang digunakan semasa pengumpulan data telah diterangkan berdasarkan jadual kerja yang disediakan. Kajian ini bersifat kajian deskriptif yang menerangkan penggunaan metafora dalam novel *Selancar Empat*. Pengkaji telah mengumpulkan 30 sampel bagi mencapai tujuan kajian ini. Pengkaji mengambil pendekatan triangulasi dalam menjalankan kajian ini. Bagi memastikan data dari kajian kualitatif lebih tepat dan sah, bukti daripada pelbagai sumber maklumat adalah sangat penting. Data yang dikumpul dari satu sumber boleh disahkan dengan merujuk kepada data yang sama dari sumber lain. Penggunaan kaedah ini membantu pengkaji memahami dengan jelas tentang gambaran fenomena yang dikaji dalam Rajah 3.1 di bahagian seterusnya menunjukkan proses kajian ini.

### 3.1 Kerangka Kajian



Rajah 3.1:Proses kajian

### 3.2 Kerangka Teori

#### 3.2.1 Teori Metafora Newmark (1988)

Menurut Newmark (1988: 85) metafora dapat didefinisikan sebagai dua objek yang berlainan dibandingkan untuk menghasilkan maksud yang berlainan.

Metaphor can be defined as an indirect comparison between two or more apparently unrelated things or subjects. The point of similarity 'may be physical but often it is chosen for its connotations'.

( Newmark, 1988:85)



Newmark (1988:55) also explained that there are five terms related to metaphor which define its various related concepts.

Tambah beliau, titik persamaan 'mungkin bersifat fizikal tetapi selalunya ia dipilih untuk konotasinya'. Newmark (1988: 84) membincangkan lima fungsi metafora seperti di bawah:

- i) untuk mentakrifkan sesuatu dengan lebih rapat (to define something more closely)
- ii) hiasan untuk menunjukkan persamaan
- iii) untuk mewujudkan kesan emotif
- iv) sebagai objek kepentingan media
- v) sebagai elemen asas bahasa

Newmark (1988) juga menjelaskan lima istilah yang berkaitan dengan metafora seperti di dalam jadual di bawah:

**Jadual 3.1: Istilah Berkaitan Metafora (Newmark,1988)**

ISTILAH	KONSEP
objek (object)	Item digambarkan oleh metafora (the item describe by metaphore)
gambar (image)	Item dari segi cara sesuatu objek dijelaskan (the item describe by picture)
rasa (sense)	titik kesamaan antara objek dan imej (similarity between object and image)
Metafora (metaphore)	adalah perkataan sebenar yang diambil (the metaphore is the exact word taken)
Metonym (metonym)	adalah penggambaran satu perkataan yang digunakan di keseluruhan tempat dan mempunyai potensi untuk menjadi 'metafora mati' (single word depiction used throughout the place and has the potential to become a 'dead metaphor)

Newmark (1988) juga mentakrifkan metafora sebagai ungkapan kiasan yang boleh menjadi perkataan yang digunakan dalam huraian kiasannya. Metafora secara struktur dibahagikan kepada yang mudah iaitu yang diwakili oleh unit leksikal tunggal dan

majmuk (kompaun) yang mungkin diwakili oleh kumpulan perkataan, frasa, ayat atau keseluruhan teks.

Dari segi fungsi, Newmark (1988) membezakan dua fungsi metafora, iaitu konotatif dan estetika. Fungsi konotatif merujuk kepada keupayaan metafora untuk menggambarkan konsep konkrit dan abstrak secara perinci. Metafora juga menerangkan secara jelas kualiti sesuatu objek yang dijelaskan. Manakala fungsi estetika merujuk kepada keupayaan metafora untuk memberi impak estetik kepada pembaca, untuk menarik minat dan ada kalanya mewujudkan fungsi kejutan ataupun kehairanan.

Newmark (1988) percaya bahawa seseorang tidak perlu mengambil kira kebolehan sesuatu metafora untuk memindahkan maksud dari satu objek kepada yang lain untuk fungsinya. Ada kalanya akibat daripada jenis metafora yang digunakan mungkin menjadi kenyataan bahawa penerima akan melihat kesamaan antara imej dan objek Tetapi ia hanya hasil daripada penggunaan. Ia hanya tertakluk maksud penggunaan metafora itu sendiri Newmark membezakan metafora kepada enam jenis iaitu:

*Newmark (1988) distinguished six types of metaphors:*

- Metafora Mati (Dead Metaphor)
- Metafora Cliché (Cliché Metaphor)
- Metafora Normal (Stock Metaphor)
- Metafora yang diadaptasi (Adapted Metaphor)
- Metafora Terkini (Recent Metaphor)
- Metafora Asli (Original Metaphor.)

### **3.2.1.1 Metafora Mati (Dead Metaphor)**

Metafora ‘mati’ adalah metafora tanpa makna kiasan. Apabila menggunakan faktor masa dan ruang, objek geografi dan aktiviti orang metafora ‘mati’ menjadi pilihan.

Metafora mati menggunakan perkataan yang membezakan bahagian-bahagian badan, fenomena semula jadi dan konsep astronomi abstrak. Contohnya, kata-kata Inggeris seperti ‘padang, atas, kaki, mulut, lengan, jatuh, naik dan lain-lain lagi. Contohnya perkataan bahasa Inggeris, ‘*field, top, foot, mouth, arm, fall dan rise.*’

### **3.2.1.2 Metafora Cliche (Cliche Metaphor)**

Metafora Cliche menurut Newmark (1988) adalah metafora yang kehilangan nilai estetika dan digunakan hanya dalam fungsi konotatif untuk menyatakan pemahaman yang lebih jelas dengan lebih banyak bahagian emosi yang lebih mendalam. Sebagai contoh;

*The County School will in effect become not a **backwater** but a **breakthrough** in educational development which will **set trends** for the future. In this its **traditions** will help and it **may well** become **a jewel in the crown** of the county's education*  
[1, p.107].

### **3.2.1.3 Metafora Normal (Stock Metaphor)**

Newmark (1988) menyatakan bahawa metafora *Normal* atau *standard* dan metafora ‘Cliche’ bertindih. Metafora normal adalah metafora yang merupakan cara yang berkesan untuk menerangkan konsep konkrit atau abstrak yang mempunyai kesan emosi kepada pembaca kepada pembaca. Sebagai contoh dalam bahasa Inggeris, ‘*it's raining cats and dogs*’ yang hanya digunakan oleh orang dalam kumpulan sosial tertentu sahaja. Newmark (1988) juga mengatakan bahawa beliau tidak akan menggunakan metafora seperti, ‘*as he's a man of good appearance*’ (ketinggalan zaman / lama) atau ‘*he's on the eve of getting married.*’ Situasi ini tidak seperti metafora ‘mati’ yang mempunyai fungsi estetik yang aktif. Newmark (1988) berkata bahawa dia secara peribadi tidak akan menggunakan metafora seperti ‘*dia seorang lelaki yang penampilan baik (usang) atau wajahnya seolah-*

*olah berada pada malam berkahwin*' sebab metafora ini hanya difahami oleh segelintir masyarakat dan tidak digunakan secara meluas dan kini ungkapan ini secara perlahan menjadi usang. Beliau mencadangkan bahawa penyelesaian yang ideal untuk kes sebegini adalah untuk mengambil metafora bersamaan dengan imej di dalam bahasa sasaran. Menurut Newmark (1988), konotasi imej haiwan selalunya sama dalam bahasa yang berbeza namun kadang-kadang kita harus berhati-hati. Contohnya, di negara Timur naga dianggap makhluk yang disembah suci sedangkan di Barat selama berabad-abad 'naga' dianggap sebagai pembunuh dan penyebab semua masalah dan kemalangan.

Kadang-kadang penggunaan kata-kata peribahasa dan kata-kata lain boleh juga memberikan makna yang sama dan ia sukar untuk digunakan sebagai metafora 'Stock' sebab apabila sesuatu contoh diterjemahkan dalam bahasa lain, ada kalanya sesuatu simbol akan memberikan maksud yang berbeza. Sebagai Contoh, *'it's raining cats and dogs'* apabila diterjemahkan dalam bahasa Melayu akan berbunyi, *'ia sedang hujan kucing dan anjing'* yang jauh lari daripada maksud asal dalam penyampaian sesuatu maklumat.

### **3.2.1.4 Metafora yang diadaptasi (Adapted Metaphor)**

Newmark (1988) menganggap metafora ini sesuai digunakan untuk mengadaptasi kepada sesuatu situasi. Unsur pengekal bentuk, makna dan kandungan asal perlu diberi perhatian serius. Walau bagaimanapun, apabila mustahil, kita harus memberi keutamaan kepada pilihan yang terakhir. Apabila menghadapi kesukaran dalam mendapatkan perkataan yang sesuai dalam menyampaikan sesuatu maklumat, maka penulis akan memilih perkataan yang paling rapat atau hampir sesuai sebagai pengganti dalam menyampaikan

mesej. Contohnya, ucapan mantan Presiden Amerika Syarikat, Reagan, apabila diterjemahkan dalam bahasa lain, ia tidak akan memberikan gambaran jelas kepada orang berketuturan bahasa lain.

### **3.2.1.5 Metafora Terkini (Recent)**


Newmark (1988) menganggap metafora ini sebagai metafora neologisme, kebanyakannya "tanpa nama" dan adalah tersebar luas dalam bahasa asal. Sesetengah metafora neologisme mewakili konsep baru. Sebagai contoh, '*walkman*' merupakan satu contoh yang digunakan untuk menerangkan '*portable player*' atau '*head-hunter*'.

### **3.2.1.6 Metafora Asli (Original Metaphor)**

Newmark (1988) menganggap metafora asli sebagai metafora individu yang digunakan oleh seseorang penulis secara individu dan tidak biasa dalam penggunaan seharian. Newmark percaya bahawa metafora pengarang harus diberikan sehampir mungkin kepada yang asal, kerana:

- a) metafora menunjukkan gaya dan personaliti
- b) metafora memperkaya perbendaharaan kata bahasa sasaran.

Oleh itu, beliau mengesyorkan pengarang metafora hampir verbatim. Jika pengarang menganggap metafora itu mengandungi unsur kebudayaan yang mungkin menjadi tidak jelas kepada penerima, metafora pengarang yang unik harus menyesuaikan imej metafora agar pembaca faham akan maksud yang ingin disampaikan oleh metafora tersebut.



Rajah 3.2 Jenis-jenis Metafora

### 3.3 Sumber Data kajian

#### 3.3.1 Novel *Selancar Empat*

Novel *Selancar Empat* merupakan novel yang ditulis oleh K.Punniavan. Beliau adalah seorang mantan Guru Besar. Beliau telah menulis lebih 300 sajak. Beliau juga telah menulis lebih 150 cerpen. Beliau telah menerbitkan 3 antologi cerpen dan dua koleksi sajak. Novel *Selancar Empat* merupakan novel pertama yang ditulis oleh beliau. Novel ini memusatkan kisah sebenar yang berlaku di Felda Selancar Empat, Keratong, Pahang. Sekumpulan pekerja ladang telah dijadikan hamba oleh pihak tertentu dan dikerah tenaga siang dan malam. Pada tahun 1979 peristiwa yang tidak berperikemanusiaan ini tersiar dalam surat khabar tempatan, *Tamil Osai*. Intipati kisah tersebut menjadi asas bagi penulisan novel ini. Novel ini yang mempunyai 169 muka surat berlatar belakang ladang Selancar Empat. Novel ini telah memenangi hadiah novel terbaik tempatan pada tahun 2014 dalam pertandingan mengarang novel anjuran *National Land and Finance Cooperative*.

### **3.4 Responden Kajian**

Responden kajian adalah mahasiswa dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya seramai 30 orang. Pengkaji memastikan responden kajian ini mempunyai kemahiran membaca dan menulis bahasa Tamil . Mereka juga dipastikan pernah mengambil subjek kesusasteraan Tamil pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Pengalaman membaca novel sebelum ini memudahkan mereka untuk memberikan maksud metafora yang difahami.

### **3.5 Instrumen Kajian**

#### **3.5.1 Soal selidik**

Soal selidik ditadbir sebagai instrument utama dalam kajian ini. Soal selidik bertujuan mengumpul data kajian dan pendapat responden melalui satu siri soalan. Menurut Fink (1995), soal selidik adalah cara penghasilan data kajian untuk menerang, membuat perbandingan dan meramal sifat, pandangan, nilai dan kelakuan berpandukan respon yang diberikan oleh responden. Soal selidik merangkumi soalan terbuka dan tertutup. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengemukakan soalan terbuka. Namun begitu, pengkaji telah menganalisis data soal selidik ini secara kualitatif.

Pada peringkat awal, pengkaji menyediakan satu set soal selidik yang merangkumi 2 bahagian. (Lampiran 1). Dalam Bahagian A, pengkaji mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Dalam Bahagian B pula, terdapat ungkapan yang mengandungi metafora. Dalam bahagian B ini, responden perlu menyatakan pemahaman mereka tentang metafora yang tersenarai. Pengkaji telah mengedarkan soal selidik yang mengandungi 30 metafora untuk dijawab oleh responden.

Pada masa yang sama satu set soal selidik diemel kepada penulis novel, K.Punniavan. Penulis novel akan menyatakan maksud sebenar yang ingin disampaikan melalui metafora tersebut. Persamaan dan perbezaan yang wujud antara jawapan responden dan penulis novel akan menjawab persoalan kedua kajian ini. Sebelum mengendalikan soal selidik, pengkaji mentadbir kajian rintis. Seramai 5 orang mahasiswa India yang tidak mempunyai pengalaman kehidupan ladang telah menjawab kajian rintis ini. Kajian rintis dijalankan untuk mengenal pasti masalah pemahaman yang wujud dalam soalan. Selain itu, keputusan kajian rintis memberi ruang kepada pengkaji untuk menilai maklumat yang diperolehinya daripada responden sama ada sesuai dengan persoalan kajian atau tidak. Tambahan lagi, dapat memurnikan soalan-soalan agar mudah difahami oleh responden.

Berpandukan hasil kajian rintis ini, pengkaji telah melakukan beberapa perubahan. Antara perubahannya adalah dari segi pembinaan struktur ayat. Selain itu, metafora yang lebih sesuai telah dibuat. Metafora yang merungsingkan responden digugurkan.

### **3.6 Kaedah Pengumpulan Data**

#### **3.6.1 Kajian teks**

Pada awalnya pengkaji membaca novel *Selancar Empat* untuk mengenal pasti metafora-metafora yang digunakan dalam novel tersebut. Setelah metafora disenaraikan dalam borang penganalisan, ia diserahkan kepada mantan pensyarah pembimbing En. Supramani a/l Sonniah bagi mengesahkan pemilihan metafora tersebut (Lampiran 2). Selepas itu, pengkaji berbincang dengan mantan pensyarah pembimbing untuk memilih metafora yang sesuai untuk soal selidik.



### **3.6.2 Data Soal Selidik**

Setiap jawapan soal selidik responden telah dibaca dan diklasifikasikan mengikut objektif kajian. Pemahaman responden terhadap metafora diberi penekanan. Pengkaji mengamati setiap jawapan untuk penganalisan yang tepat.

### **3.6.3 Kajian perpustakaan**

Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul maklumat tentang prosedur menjalankan kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji telah meneliti kajian lepas yang telah dijalankan berdasarkan analisis teks. Pengkaji menjalankan kajian perpustakaan ke atas kajian lepas, jurnal, buku dan penulisan ilmiah khususnya kajian yang berkaitan dengan bidang metafora dan novel. Melalui kaedah ini, pengkaji mendapat idea tentang reka bentuk kajian yang perlu digunakan. Buku-buku yang membincang teori metafora dan novel dijadikan bahan rujukan untuk mengenal pasti teori yang bersesuaian untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji dapat mengumpulkan data-data yang relevan bagi menyempurnakan kajian ini.

Kajian lepas berkaitan tajuk penyelidikan ini membantu pengkaji merangka kajian ini. Kajian lepas ini dibahagikan kepada 2 jenis, iaitu kajian berkaitan metafora dan novel. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kajian berkaitan metafora dalam cerpen, iklan, lirik lagu, sms, puisi dan sebagainya. Terdapat juga kajian yang dijalankan ke atas novel dari aspek keindahan bahasa dan penggunaan bahasa kiasan. Pengkaji juga telah mengenal pasti beberapa artikel dan jurnal yang berbincang tentang metafora dan novel. Cara menganalisis data daripada novel dan metafora yang telah dibincang dalam jurnal dan artikel ini dijadikan rujukan untuk menjalankan kajian ini.

### 3.7 Penganalisan Data Kajian

Dalam proses menganalisis data kajian, pengkaji menggunakan kajian kualitatif untuk mencari jawapan bagi beberapa persoalan-persoalan kajian seperti berikut :-

**Jadual 3.2 : Prosedur Penganalisan Data**

Langkah 1	3.5.1 Jenis-jenis metafora yang terdapat dalam novel <i>Selancar Empat</i> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> Membaca dan mengkodifikasikan metafora <input type="checkbox"/> Mengkategorikan mengikut jenis <input type="checkbox"/> Klasifikasi Metafora Newmark (1988)
Langkah 2	3.5.2 Perselisihan yang wujud antara responden dengan penulis novel <input type="checkbox"/> Analisis data soal selidik <input type="checkbox"/> Mengenal pasti persamaan dan perbezaan maksud metafora-metafora antara penulis novel dan responden. <input type="checkbox"/> Menyatakan sebab wujud percanggahan dalam pemahaman maksud metafora

Langkah pertama pengkaji membaca novel dan menyenaraikan metafora mengikut jenis metafora seperti disarankan oleh Newmark (1988) di bawah klasifikasi metafora untuk menjawab persoalan pertama kajian. Setelah itu, pengkaji juga mengkodifikasikan metafora dengan meletakkan huruf “M” untuk merujuk pada metafora berserta dengan nombor mengikut susunan meningkat. Contohnya, Metafora 1 dikodkan sebagai M1 (*Lampiran 3*). Semasa menganalisis dan membincang data pengkaji akan mengidentifikasikan metafora mengikut kod ini. Semasa proses mengenal pasti jenis-jenis metafora pengkaji akan melakukan penterjemahan setiap metafora dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Penterjemahan ini memudahkan para pembaca lebih memahami dan menikmati isi kandungan setiap metafora.

Langkah kedua, setiap jawapan responden dikumpulkan dan dianalisis. Persamaan dan perbezaan jawapan antara responden dan penulis novel diambilkira dalam penganalisan ini. Pengkaji juga melihat sebab-sebab wujud perselisihan idea daripada responden.

Langkah ketiga, temu bual telah diadakan bersama penulis novel. Pengkaji telah bertemu penulis novel, K.Punniavan. Temu bual yang direkod itu akan menjadi sandaran kepada pengkaji untuk membandingkan jawapan antara pengkaji dan responden. Sebanyak 30 soalan disediakan oleh pengkaji setelah berbincang dengan pensyarah peribadi. Penulis novel menjawab kesemua soalan pada soal jawab.,


### **3.8 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab 3 ini menghuraikan dengan lebih terperinci tentang kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Metodologi merupakan tulang belakang sesuatu kajian. Oleh itu, pemilihan kaedah yang tepat adalah penting. Kajian ini juga bersifat kualitatif dan kuantitatif. Data kajian akan disusun secara sistematik untuk mengkaji peratusan jenis metafora dalam *Selancar Empat* serta pemahaman maksud metafora responden berbeza dari penulis novel. Peratusan yang didapati akan diinterpretasi dalam perbincangan yang lebih teliti.

## BAB 4 PENGANALISISAN DATA

### 4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan penganalisisan data kajian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Proses penganalisisan data diterangkan dalam Jadual 4.1 bagi memudahkan pemahaman. Pada keseluruhannya data dianalisis secara kualitatif bagi menjawab kedua-dua persoalan kajian. Soalan kajian pertama telah memberi fokus kepada pengkaji untuk mengetahui jenis metafora yang terdapat dalam novel *Selancar Empat*. Persoalan kedua pula, telah memfokuskan analisis perselisihan pemahaman maksud metafora yang digunakan dalam novel *Selancar Empat* oleh responden berbanding jawapan penulis novel.



**Rajah 4.1: Carta aliran analisis data kajian**

#### 4.1 JENIS-JENIS METAFORA DALAM NOVEL *SELANCAR EMPAT*

Dalam novel *Selancar Empat* terdapat 15 metafora mati iaitu bersamaan 31.3%. Seterusnya, terdapat 13 metafora asli iaitu 27.1%. Novel ini juga menyetengahkan 9 metafora normal dan metafora adaptasi iaitu masing-masing 18.8 %. Akhirnya terdapat 2 metafora terkini iaitu 4.2%. Dalam kajian ini tiada metafora cliché. Jumlah metafora yang terdapat dalam novel ini adalah 48.

Jadual 4.1: Bilangan Metafora dalam novel *Selancar Empat*

Jenis	Bilangan	Peratus (%)
Metafora Mati	15	31.3
Metafora Asli	13	27.1
Metafora Normal	9	18.8
Metafora Adaptasi	9	18.8
Metafora Terkini	2	4.2
Metafora Cliché	0	0
Jumlah	48	100

##### 4.1.1 Metafora mati

Pada dasarnya metafora termasuk ke dalam gaya bahasa yang sudah banyak digunakan dalam komunikasi. Metafora mati adalah metafora yang sudah membeku, sering digunakan dalam kehidupan harian untuk satu jangka masa yang lama dan secara terus-menerus (Newmark,1988). Tambahan lagi, pembaca dapat memahaminya dengan lebih cepat kerana sudah akrab dalam pemakaian bahasa seharian. Metafora mati merupakan sesuatu yang biasa difahami tanpa merujuk kepada maksud konotasinya atau maksud perbandingannya (Larson,1984). Contohnya, sampahnya menggunung, mengharungi

samudera kehidupan, kaki bukit dan sebagainya. Dalam novel *Selancar Empat* terdapat 15 metafora mati.

Contoh 1:

கணவனை இழந்து அப்பெண் மூளியாய் நிற்கிறதே  
kaṇavanai ilantu appen mūlyāy nirkiratē

Penterjemahan :

Wanita itu hidup sebatang kara selepas kematian suaminya

Dalam contoh 1, perkataan *mūlyāy nirkiratē* digunakan sebagai metafora mati dalam novel ini. Menurut Kamus Kria (2008), perkataan *mūli* merujuk kepada perempuan yang tiada menggunakan tanda-tanda *menggalam* seperti *poo (bunga)*, *kumkum*, *thali* dan sebagainya. Tambahan lagi, perempuan yang kehilangan suaminya juga dianggap sebagai *mūli*. Dalam konteks novel, watak utama, Muniammah hidup sebatang kara selepas kematian suaminya. Dia tiada tempat pergantungan. Menurut New Mark (1988), metafora mati merupakan metafora yang sudah sebatang dengan kehidupan seharian masyarakat.

Contoh 2:

வேவு பார்த்த ராட்சசி இருக்கிறாளே அண்ணி என்ற பெயரால்

vēvu pārta rātcaci irukkiraḷē anni eṇṇa peyarāl

Penterjemahan:

Raksasa kakak ipar sentiasa mengawasi gerak-geri

Dalam contoh 2, *vēvu pārta rātcaci* digunakan sebagai metafora. Maksudnya adalah raksasa. Raksasa merupakan sesuatu yang digeruni. Raksasa (*rātcaci*) juga boleh menghancurkan atau memusnahkan segala-galanya. Begitu juga dengan kakak ipar yang

dimaksudkan dalam novel ini. Sifat raksasa yang digeruni dimiliki oleh kakak ipar. Tambahan lagi, kakak ipar sentiasa mengawasi pergerakan mereka (*vēvu*). Dalam novel ini, kakak ipar Muniammah adalah seorang yang kejam. Walaupun bermuka manis tetapi jiwanya tidak begitu menyenangi kehadiran keluarga Muniammah ke Segamat. Pernah Muniammah melawat mereka ketika suaminya masih hidup. Pada ketika itu, kakak iparnya sentiasa mengadu akan tindakan anak Muniammah yang nakal. Kakak iparnya tidak mempunyai anak walaupun sudah lama mendirikan rumah tangganya. Adakalanya dia memukul anak Muniammah. Tambahan lagi, setiap kali pulang ke ladang, kakak ipar memeriksa beg agar mereka tidak membawa (mencuri) sebarang benda dari rumah mereka. Sikap ini telah menyebabkan Muniammah membuat keputusan untuk hidup keseorangan. Hidup merana lebih baik daripada hidup bersama kakak iparnya. Jadi sikap kejam kakak ipar dimetaforakan sebagai raksasa.

Nurul Nadia Muhammad dan Sabariah Md Rashid (2014), dalam kajian berjudul "*Cat Metaphors in Malay and English Proverbs*" telah mengkaji penggunaan metafora haiwan kucing dalam peribahasa Melayu dan Inggeris. Mereka telah menggunakan teori Lakoff dan Turner (1989) yang menyatakan kucing bersifat tidak tetap pendirian dan berdikari. Pentafsiran makna untuk kucing memang tidak sama dalam kedua-dua bahasa tersebut. Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang wujud dalam memahami makna sesuatu benda yang dijadikan metafora bergantung kepada faktor sosial dan budaya. Maka dalam novel ini, penggunaan istilah *rātcaci* digunakan oleh masyarakat ladang kepada wanita yang kejam.

Contoh 3:

பூச்சாண்டி காட்டுறன்க

*pūccānti kāṭṭuranka*

Penterjemahan :

Hantu ditunjuk-tunjukkan mengacak-acak supaya kita akan takut dengannya

Dalam contoh 3, *pūccānti kāṭṭuranka* dimetaforakan sebagai watak yang menakutkan. Setiap masyarakat ladang mengenali satu watak imaginasi yang berbadan besar dan gelap (*pūccānti*). Watak ini selalu digunakan oleh ibu yang menyuap nasi kepada anak. Apabila anaknya enggan memakan nasi, ibu akan menakutkan anak-anak mereka dengan memanggil nama *pūccānti*. Sebenarnya ibu menakutkan anak-anaknya supaya anaknya dapat memakan nasi (Segar,2012). Watak ini telah lama sebatu dengan kehidupan masyarakat ladang. Kanak-kanak yang tidak tahu apa-apa berasa takut. Keadaan ini masih terdapat dalam kalangan ibu-ibu India. Penyair terkenal, *Pathu Kothai Kalyana Sundram* (1969) telah mengutuk masyarakat India yang menakut-nakutkan anak mereka sejak kecil lagi.

	R5	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R6	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R7	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R8	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R9	<i>mirukampōl vataittal</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R10	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R11	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R12	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R13	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R14	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R15	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R16	<i>mirukampōl vataittal</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R17	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R18	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R19	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R20	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R21	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R22	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R23	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R24	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R25	<i>mirukampōl vataittal</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R26	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R27	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R28	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R29	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R30	<i>maṇitāpimāṇam illātavaṇ</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
Bil	Kategori	Responden	Peratus
1	Tepat <input checked="" type="checkbox"/>	26	86.7
2	Kurang tepat <input type="radio"/>	1	3.3
3	Langsung tidak tepat <input checked="" type="checkbox"/>	3	10
4	Langsung tidak faham <input type="checkbox"/>	0	0
	Jumlah	30	100

Jadual 4.2.4.1 menghuraikan metafora *akati vālvu* bermaksud kehidupan yang merana. Tiada tempat pergantungan dan kehidupannya seolah-olah pelarian. Dalam novel ini, kehidupan pekerja-pekerja ladang merana. Mereka diperlakukan seolah-olah pelarian. Mereka tidak diberi kebebasan dan dikerah hampir 12 jam untuk bekerja di ladang. Tambahan lagi, pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk membuat apa jua terhadap mereka. Mereka sentiasa diawasi dan dikawal pergerakan mereka. Seramai 18 responden iaitu 60% memahami keadaan ini dan memberikan jawapan yang tepat. Manakala 12 responden iaitu 40% memberikan jawapan yang kurang tepat. Dalam metafora ini semua responden faham akan situasi dan maksud metafora tersebut. Mereka menghadapi masalah apabila menyatakan maksudnya dalam bentuk tulisan.

Jadual 4.2.4.2 menghuraikan metafora *kōlit tūkkam*, ia bermaksud *currum murum nataiperuvatai arinthu iruppatu*. Kita sedar akan perkara yang berlaku di sekeliling kita walaupun kita tidur. Kita tidur seperti ayam, Cuma menutup mata semata-mata tetapi menyedari situasi sekeliling dengan jelas dan nyata. 10 responden iaitu 33.3% responden memberikan jawapan yang dengan penulis novel. Seramai 12 responden memberikan jawapan yang kurang tepat. Mereka memberikan *tūkkam* sebagai jawapannya. Ini bermaksud tidur. Jawapan ini kurang tepat. Walaupun jawapan responden menekankan perbuatan tidur tetapi ia tidak menekankan perbuatan sedar akan situasi sekeliling yang berlaku.

Jadual 4.2.4.3 menceritakan metafora *veruppin tī* membawa maksud sangat benci. Seramai 16 responden iaitu 53.4% memberikan jawapan yang tepat. 7 responden iaitu 23.3 % memberikan jawapan yang kurang tepat manakala 6 responden iaitu 20%

memberikan jawapan langsung tidak tepat. Selebihnya iaitu seorang responden jawapannya langsung tidak faham,

Jadual 4.2.4.4 menerangkan metafora *māṭā maṇucaṇā* membawa maksud seseorang yang mempunyai perasaan. Seramai 12 responden iaitu 40% menyamai jawapan penulis novel. Manakala 4 responden iaitu 13.3 % jawapannya kurang tepat. 5 responden iaitu 16.7% memberikan jawapan langsung tidak tepat manakala 9 responden (30%) langsung tidak faham.

Jadual 4.2.4.5 menerangkan metafora *nīrara natitān* bermaksud tiada gunanya. Perkataan *nīr* bermaksud air. Air merupakan benda pertama yang wujud di permukaan alam. Segala tindakan yang berlaku di permukaan alam berfokuskan air semata-mata. Air juga berkuasa menyucikan badan dan kotoran Sehingga hari ini semua agama mengaitkan air dengan hidup mati manusia (Stewart, 2008). Masyarakat Tamil juga mempercayai kekuasaan air. Tujuan utama air bermula dari hulu dan menuju ke hilir iaitu ke laut. Apabila sungai tidak memainkan peranan ini atas sebab ketandusan air, maka sungai itu tiada gunanya. Sungai itu tidak memainkan apa-apa peranan (Ragini Ragavan & Ibrahim Haji Salleh, 2005). Para responden perlu memahami situasi ini sebelum meneliti frasa ini. Dapatan kajian menunjukkan seramai 18 responden iaitu 60% dapat memberikan jawapan yang tepat. Manakala jawapan yang langsung tidak tepat dan langsung tidak faham adalah 6 responden iaitu 20% masing-masing.

Jadual 4.2.4.6 juga memberi penekanan kepada metafora *maṇita mirukam* merujuk pada seseorang yang tiada keperimanasian. Dalam novel, penjaga bertindak seolah-olah tiada rasa keperimanasian. Mereka menindas dan menganiaya penduduk

ladang. Mereka juga memaksa mereka bekerja dua belas jam dan tiada cuti mingguan. Responden dapat mengamati situasi ini. Seramai 26 iaitu 86.7% responden dapat memberikan jawapan yang tepat. Seorang responden iaitu 3.3% memberikan jawapan yang kurang tepat iaitu tidak mempunyai belas kasihan. Manakala dua orang responden iaitu 6.7 % langsung tidak faham akan maksudnya.

University of Malaya

#### 4.2.5 Metafora Kini

**Jadual 4.2.5.1 Perselisihan Pendapat Metafora Bagi Metafora *alaṅkāram parikkappaṭṭa vitavaikaḷ***

Metafora	Responden	Makna Responden	Beza
<p>அலங்காரம் பறிக்கப்பட்ட விதவைகள்</p> <p><b><i>alaṅkāram parikkappaṭṭa vitavaikaḷ</i></b></p> <p>wanita yang tiada perhiasan diri kelihatan tawar</p>	R1	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R2	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R3	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R4	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R5	<i>alaṅkaram illāmal iruppatu</i>	<input type="radio"/>
	R6	<i>alaṅkaram illāmal iruppatu</i>	<input type="radio"/>
	R7	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R8	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R9	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R10	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R11	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R12	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R13	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R14	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R15	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R16	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R17	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R18	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R19	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R20	<i>alaṅkaram illāmal iruppatu</i>	<input type="radio"/>
	R21	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R22	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R23	<i>alaṅkaram illāmal iruppatu</i>	<input type="radio"/>
	R24	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R25	<i>alaṅkaram illāmal iruppatu</i>	<input type="radio"/>
	R26	<i>oṅrum illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R27	<i>alaṅkaram illāmal iruppatu</i>	<input type="radio"/>
	R28	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
	R29	<i>verumai</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
	R30	<i>āparaṇaṅkaḷ illāmal</i>	<input type="radio"/>
Bil	Kategori	Responden	Peratus
1	Tepat <input checked="" type="checkbox"/>	8	26.7
2	Kurang tepat <input type="radio"/>	22	73.3
3	Langsung tidak tepat <input checked="" type="checkbox"/>	0	0
4	Langsung tidak faham <input type="checkbox"/>	0	0
	Jumlah	30	100

**Jadual 4.2.5.2 Perselisihan Pendapat Metafora Bagi Metafora *kaṭa nāṭakam***

Metafora	Responden	Makna Responden	Beza
கட்ட நாடகம் <i>kaṭa nāṭakam</i>  bersandiwara	R1	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R2	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R3	<i>pōli naṭippu</i>	⊙
	R4	<i>pōli naṭippu</i>	⊙
	R5	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R6	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R7	-	■
	R8	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R9	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R10	-	■
	R11	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R12	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R13	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R14	-	■
	R15	-	■
	R16	-	■
	R17	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R18	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R19	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R20	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R21	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R22	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R23	<i>oṅrumē teriyātaturōla naṭippatu</i>	☑
	R24	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R25	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R26	<i>pōli naṭippu</i>	⊙
	R27	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R28	<i>cuyanalavāti</i>	☒
	R29	<i>pōli naṭippu</i>	⊙
	R30	<i>pōli naṭippu</i>	⊙
Bil	Kategori	Responden	Peratus
1	Tepat	☑	11
2	Kurang tepat	⊙	5
3	Langsung tidak tepat	☒	9
4	Langsung tidak faham	■	5
	Jumlah		30
			100

Jadual 4.2.5.1 menjelaskan metafora *alāṅkāram paṛikkappaṭṭa vitavaikaḷ* bermaksud wanita yang tiada perhiasan diri kelihatan tawar. Seramai 8 responden iaitu 26.7% memberikan jawapan tepat manakala 22 responden iaitu 73.3% memberikan jawapan kurang tepat.

Jadual 4.2.5.2 menjelaskan maksud metafora *kaṭa nāṭakam*. Menurut penulis novel metafora ini bermaksud *oṅrumē teriyātatupōla naṭippatu*. Ia bermaksud berlakon seolah-olah tidak tahu apa-apa. Jawapan yang diberikan oleh 11 responden iaitu 36.6%. Manakala, 5 responden iaitu 16.7 memberikan jawapan yang kurang tepat. Mereka menyatakan pura-pura berlakon. Jawapan ini berbeza dengan jawapan penulis novel iaitu watak mengetahui segala kebenaran tetapi berpura-pura berlakon. Manakala jawapan yang diberikan oleh responden ini menyatakan berpura-pura berlakon sahaja.tiada kepastian sama ada mereka mengetahui kebenaran atau tidak. 9 responden iaitu 30% memberikan jawapan *cuyanavāti* yang membawa maksud mementingkan diri sendiri. Jawapan ini tidak menyamai jawapan yang diberikan oleh penulis novel. 5 responden iaitu 16.6% pula langsung tidak faham maksud metafora.

### 4.3 Kesimpulan

Kajian metafora novel *Selancar Empat* memaparkan sebanyak 48 metafora . Metafora tersebut telah dibahagikan kepada 6 kategori iaitu metafora mati, metafora asli, metafora terkini, metafora yang diadaptasi, metafora normal dan metafora *cliché*. Walau bagaimanapun, metafora *cliché* tiada dalam novel *Selancar Empat*.

Kajian ini memfokuskan perselisihan pemahaman maksud metafora antara responden dengan penulis novel. Kajian mendapati hanya 60% menepati jawapan penulis novel. Selebihnya masih terdapat Perselisihan Pendapat. Temu bual dengan responden mungkin akan memberikan jawapan yang lebih sah. Jadi Perselisihan Pendapat membawa pemahaman yang berbeza terhadap metafora.



## **BAB 5 KESIMPULAN**

### **5.0 Pengenalan**

Dalam bab 5 ini, pengkaji akan merumuskan hasil dapatan kajian dan memberi cadangan tentang kajian masa hadapan kepada pengkaji lain.

### **5.1 Perbincangan Dapatan**

Metafora merupakan sebuah alat dalam menyampaikan buah fikiran seseorang tentang sesuatu konsep. Penggunaan metafora mengindahkan karya sastera, di samping menyampaikan makna sesuatu konsep dengan mudah dan tepat. Metafora bersifat sejagat yang telah dipelopori oleh Newmark (1988) dibuktikan dalam kajian ini. Metafora bukan hak milik satu golongan masyarakat sahaja. Ia bersifat universal. Sesiapapun boleh menghasilkan metafora selagi mempunyai penguasaan bahasa yang baik. Pemahaman tentang sesuatu konsep dan metafora memerlukan tahap kognisi yang tinggi. Penggunaan metafora dalam sesuatu karya dapat menonjolkan asal-usul dan budaya sesuatu masyarakat.

Bahasa Tamil merupakan antara bahasa klasik dunia dan bahasa tertua di dunia ini. Pada awalnya perkembangan bahasa Tamil adalah dalam bentuk *Ceyyul* (Seeni, 2007). Apabila pendudukan Inggeris di Indai bermula pada abad ke-18, mereka mula memperkenalkan genre cerpen diikuti genre novel. Perkembangan novel bahasa Tamil di Tamil Nadu, India bermula pada akhir kurun 18. *Kamalambal Sarithiram* merupakan novel pertama dalam bahasa Tamil (Sabapathy, 2007). Perkembangan novel di Malaysia bermula pada tahun 1916. Novel pertama yang diterbitkan di Malaysia adalah '*Meenachi, Malai Nathu Manggai*'.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memberi fokus kepada 2 objektif utama, iaitu mengkaji jenis metafora dan mengkaji perselisihan pendapat metafora antara

penulis novel dengan responden. Pada akhir kajian ini, pengkaji telah mencapai kedua-dua objektif utama.

### **5.1.1 Jenis-jenis metafora**

Persoalan kajian pertama iaitu mengkategorikan jenis metafora dapat dijawab sepenuhnya. Konsep Newmark (1988) yang digunakan dalam kajian ini telah memudahkan pengkaji untuk mengkategorikan setiap metafora dengan mudah. Terdapat enam jenis metafora, iaitu metafora mati, metafora asli, metafora normal, metafora adaptasi, metafora terkini dan metafora cliché (Newmark, 1988). Pernyataan ini dapat dilihat dalam novel *Selancar Empat*. Pada keseluruhannya, terdapat 48 metafora dalam novel *Selancar Empat*. Dalam novel ini terdapat 15 metafora mati, 13 metafora asli, 9 metafora normal dan adaptasi, 2 metafora terkini dan tiada metafora cliché.

Terdapat banyak kajian yang menyamai dapatan kajian ini. Antaranya, Lwi (2004) telah mengenal pasti unsur yang dijadikan metafora untuk merujuk barangan elektronik dalam iklan cetak. Dapatan kajian ini menunjukkan unsur yang digunakan sebagai personifikasi bagi merujuk kualiti barangan elektronik.

Pandangan masyarakat terhadap sesuatu perkara berbeza berbanding orang lain. Contohnya, laut. Pada pandangan pertama, kita beranggapan laut merupakan suatu tempat yang tenang dan sangat cantik untuk memandang. Pada masa yang sama, laut juga mempunyai ombak yang besar sehingga boleh menghasilkan tsunami. Penggunaan laut sebagai jiwa yang tenang mahupun bergelora bergantung pada konteks penggunaannya. Penggunaan dan pemahaman tentang konsep laut ini bergantung kepada konteks di mana

perkataan tersebut digunakan. Dengan ini terbuktilah kenyataan Newmark (1980) yang mengemukakan pendapat, konteks memainkan peranan yang penting dalam memahami sesuatu metafora.

### **5.1.2 Perbezaan Maksud Metafora antara Penulis Novel dengan Responden Kajian**

Persoalan kajian kedua iaitu, menjelaskan perselisihan pendapat tentang maksud metafora antara responden dengan penulis juga tercapai. Kajian rintis menunjukkan memang terdapat perbezaan maksud antara penulis novel dengan responden. Dapatan kajian membuktikan bahawa 46.3% jawapan adalah tepat dengan jawapan penulis novel. Ini adalah kerana responden mempunyai pemahaman dan penguasaan bahasa Tamil yang jitu. Mereka pernah mengambil mata pelajaran kesusasteraan Tamil pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Pemahaman sedia ada mereka telah membantu mereka untuk memahami konsep metafora. Tambahan lagi, mereka telah membaca lebih awal novel ini ketika berada di semester tiga Fakulti Bahasa dan Linguistik. Mereka telah mengkaji aspek linguistik dalam novel ini.

Kesemua ini membolehkan mereka dapat menulis jawapan yang betul. Namun terdapat jawapan yang diberikan oleh mereka masih terdapat perbezaan perkataan tetapi maksudnya menjurus kepada maksud yang ingin disampaikan oleh penulis novel dengan tepat. Contohnya, '*muzhi*' bermaksud janda. Konsep ini hanya digunakan dalam kalangan masyarakat ladang. Penggunaan metafora '*muzhi*' ini dalam soal selidik menunjukkan 83.3% responden dapat menjawab perkataan berunsur ladang dengan betul. Tambahan lagi, dua pertiga responden telah membaca novel terlebih dahulu sebelum menjawab soal selidik ini. Ini juga membantu responden menulis jawapan yang tepat dengan penulis novel. Dalam

hal ini konteks memainkan peranan penting dalam mewujudkan pemahaman kepada metafora. Walaupun 28 responden tinggal di kawasan berhampiran ladang seperti taman perumahan dan bandar, konteks dalam novel telah membolehkan mereka memahami maksud yang disampaikan melalui metafora.

Dalam kategori kurang tepat, jawapan responden kurang tepat sebanyak 21% daripada jumlah jawapan keseluruhan. Jawapan yang diberikan oleh mereka berbeza dari segi penggunaan kosa kata yang membawa maksud berlainan sedikit berbanding jawapan penulis novel. Contohnya, watak '*pūccāṅṅi*' digunakan oleh masyarakat India demi menakutkan anak mereka ketika menyuap nasi. Menurut K.Punniavan (2006), '*pūccāṅṅi*' merupakan satu watak yang berbadan besar, berkulit hitam, dan begitu garang untuk dilihat. Tambahan lagi, '*pūccāṅṅi*' disinonimkan dengan hantu. Konsep hantu di kalangan masyarakat India telah bersebat dalam jiwa mereka. 40% responden menjawab '*pūccāṅṅi*' sebagai hantu. Jawapan ini bersamaan dengan jawapan yang diberikan oleh penulis novel. Manakala, 60% responden telah menganggap maksud konotasi, iaitu sikap takut sebagai jawapannya. Dalam konteks ini, walaupun jawapan responden agak sama tetapi ia berbeza. Ini yang dikatakan sebagai jawapan kurang tepat.

Sebanyak 20% jawapan responden dari keseluruhan jawapan menunjukkan jawapan responden langsung tidak tepat. Apabila menganalisis jawapan responden, jawapan-jawapannya didapati terlalu berbeza dengan jawapan penulis novel. Contohnya, dalam novel ini, gua harimau digunakan sebagai metafora. Gua harimau digunakan untuk menunjukkan satu keadaan yang genting. Ini adalah jawapan yang diberikan oleh penulis novel. Apabila jawapan responden di bandingkan dengan jawapan penulis novel ,

menampakkan jawapan yang langsung tidak tepat. Dua responden menjawabnya terperangkap dengan harimau. dua lagi responden menjawabnya tidak boleh keluar rumah, seorang lagi menjawab membanding dengan harimau dan seorang lagi menjawabnya sifat binatang yang liar. Apabila meneliti jawapan ini, responden tidak dapat menjawabnya dengan tepat. Tambahan lagi, jawapan yang diberikan jauh berbeza dengan jawapan sebenar.

Peratusan kategori tidak faham pula mencecah 14.4 %. Bagi soalan 'lingkaran benang' sebanyak 20% responden menjawabnya tidak faham. Mereka tidak dapat menggambarkan situasi sebenar yang dipaparkan dalam novel ini. Walaupun keenam-enam responden telah membaca novel tersebut masih mereka tidak dapat memahami metafora lingkaran benang. Terdapat lapan soalan soal selidik yang responden tidak mengetahui maksudnya.

Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat penggunaan 6 jenis metafora yang disarankan oleh Newmark (1988) dalam teori metafora. Pengkaji telah menjalankan penganalisan jenis metafora dengan perinci. Pada masa yang sama, pengkaji juga telah mentadbir soal selidik. Jelas menunjukkan memang wujud Perselisihan Pendapat metafora berbanding dengan penulis novel. Perselisihan Pendapat metafora pada masa kini dipengaruhi oleh beberapa faktor lain seperti pendidikan dan sains dan teknologi. Begitu juga maksud tersurat dan tersirat metafora dapat diketahui dengan jelas melalui pemahaman tentang metafora yang digunakan. Kajian metafora novel *Selancar Empat* memaparkan sebanyak 48 metafora mengikut teori metafora Newmark (1988). Metafora tersebut telah dibahagikan kepada 6 kategori iaitu metafora mati, metafora asli, metafora terkini,

metafora yang diadaptasi, metafora normal dan metafora cliché. Walau bagaimanapun, metafora cliché tiada dalam novel *Selancar Empat*.

Kajian ini memfokuskan peselisihan pemahaman maksud metafora antara responden dengan penulis novel. Kajian mendapati hanya 60% menepati jawapan penulis novel. Selebihnya masih terdapat Perselisihan Pendapat. Ini mungkin disebabkan oleh situasi, tahap pelajaran dan sebagainya. Jadi Perselisihan Pendapat membawa pemahaman yang berbeza terhadap metafora.

Dalam hal ini, konteks memainkan peranan penting dalam memahami metafora yang digunakan. Menurut Shu Dingfang (2000) dan Lakoff dan Johnson (1980), bagi memahami makna sebenar sesebuah metafora pengkaji perlu mengetahui konteks seperti siapa, bila, mengapa dan bagaimana sesuatu metafora digunakan. Pengupasan seperti ini akan membantu dan membolehkan responden memahami metafora dengan lebih terperinci. Pengalaman tinggal di ladang membantu untuk memahami metafora memandangkan latar tempat dalam novel *Selancar Empat* adalah ladang.

Metafora bersifat universal. Sesetengah benda yang dijadikan metafora untuk merujuk sesuatu konsep mungkin diterima umum oleh masyarakat. Manakala, terdapat juga unsur metafora yang tidak bersifat universal. Daripada penilaian ini dapat dikatakan Teori Metafora Newmark (1988) yang menyatakan metafora bersifat universal adalah benar. Walau bagaimanapun, faktor kognisi, budaya dan konteks memainkan peranan yang penting dalam memahami metafora ini. Lebih-lebih lagi pada era globalisasi ini, faktor-faktor lain seperti pengalaman hidup, masa, sains dan teknologi serta pendidikan memainkan peranan penting dalam mentafsir makna sesuatu metafora.

## 5.2 Implikasi Kajian

Merujuk kepada pernyataan masalah kajian ini, dapatan kajian membuktikan terdapat perselisihan pemahaman terhadap metafora. Perselisihan ini yang akan memberikan sumbangan kepada setiap pihak. Sumbangan ini penting kerana ia menjadi landasan bagi kajian seterusnya pada peringkat yang lebih tinggi lagi.

Dapatan kajian secara keseluruhan akan memberikan implikasi kepada semua pembaca novel. Penggunaan metafora bukan sahaja mengindahkan bahasa malah menekankan nilai-nilai murni yang perlu ada pada setiap individu secara halus. Generasi muda lebih mesra dengan penyampaian maksud secara lembut. Penggunaan metafora ini tepat dengan pemikiran dan naluri generasi muda. Walau bagaimanapun, zaman sains dan teknologi ini telah mengubah sifat, cara hidup dan pemikiran manusia. Maksud yang ditampilkan melalui metafora dalam novel boleh diinterpretasikan dengan pelbagai pemikiran yang lain.

Seterusnya, kajian ini juga memberi implikasi kepada masyarakat khususnya generasi muda yang menelaah novel. Penggunaan metafora secara tidak langsung membentuk pemikiran generasi muda. Pembaca yang terdiri daripada generasi muda sentiasa akan bertanya soalan akan sebab dan akibat. Ini membolehkan mereka berfikir secara matang. Tambahan lagi, generasi muda juga dapat mendalami kehidupan ladang. Penggunaan metafora berpandukan latar masyarakat dan juga latar tempat. Maka, metafora dapat memberikan serba sedikit latar belakang kehidupan masyarakat ladang. Contohnya, *pilāsṭik pūtam* menggambarkan masyarakat ladang yang menjadi hamba kepada minuman arak. Senario ini dilihat di setiap ladang (Sababathy, 1987). Generasi

muda yang tidak begitu mengenali suasana ladang, dapat mengetahui cara hidup masyarakat ladang.

Kajian ini dapat memberikan implikasi kepada guru-guru yang mengajar subjek kesusasteraan Tamil. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai perselisihan pemikiran terhadap metafora di kalangan pembaca novel. Ini dapat dijadikan landasan kepada guru – guru untuk mengamati keunikan penggunaan bahasa khususnya metafora. Ini membolehkan pembelajaran dan pemudahcaraan kelas menjadi lebih menarik. Murid-murid pula dapat memperkaya diri dengan penggunaan metafora dalam novel. Guru-guru sekolah menengah bukan sekadar mempersiapkan anak murid mereka ke arah peperiksaan malah perlu mengajar cara untuk menghayati komponen kesusasteraan dalam genre sastera seperti metafora, simili dan personifikasi. Unsur metafora yang digunakan dalam karya kesusasteraan ini juga dapat mencetus pemikiran kreatif dan kritis murid. Tambahan lagi, penggunaan metafora juga dapat mempertengah cara hidup, budaya, adat tradisi dan pemikiran nenek moyang kita. Dari sini pasti murid-murid dapat mempertingkatkan cara pemikiran mereka.

Kajian ini memberi implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Perkembangan Kurikulum dan Lembaga Peperiksaan. Ini kerana dapatan kajian dapat memberi ruang kepada mereka untuk memfokuskan metafora dalam melakar kurikulum mahupun penyediaan item soalan. Tambahan lagi, kemahiran berfikir aras tinggi juga dapat dicungkil melalui metafora ini. Jadi, sistem pendidikan perlu menekankan pengajaran dan pembelajaran novel. Bagi mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pengenalan komponen sastera pada peringkat sekolah menengah telah lama



diperkenalkan. Manakala bagi bahasa ibunda sebagai bahasa Cina dan bahasa Tamil ia hanya sebagai mata pelajaran tambahan. Komponen sastera perlu diperluas dalam kedua-dua mata pelajaran bagi membentuk akhlak mulia remaja sejak kecil lagi mengikut peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya. Pengenalan karya sastera di peringkat sekolah menengah adalah cara yang terbaik untuk mendalami konsep-konsep bahasa kiasan seperti metafora, simili, hiperbola dan sebagainya. Ini kerana kematangan yang ada pada mereka akan membolehkan mereka menumpukan pada perkembangan bahasa dalam jiwa mereka. Pembacaan karya sastera pasti akan menambah kosa kata dan seterusnya meningkatkan penguasaan bahasa. Jadi, kerajaan perlu memperkenalkan komponen sastera pada peringkat menengah rendah sepertimana dibuat untuk subjek lain.

Kajian ini juga mengisi kekosongan yang wujud sekian lama dalam penulisan prosa. Pengakaji-pengakaji Tamil lebih mengkaji metafora dalam puisi, pantun, lirik lagu, dan iklan (Gopalan, 2008). Analisis metafora dalam novel dan cerpen diketepikan oleh pengkaji. Masalah ini akan dapat diatasi melalui kajian ini. Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan bagi menghasilkan lebih banyak kajian tentang penggunaan metafora dalam karya-karya kesusasteraan Tamil. Karya-karya sastera yang telah ditelan zaman dapat dihidupkan semula dengan kajian-kajian ini.

Kesimpulannya, penggunaan metafora menjadi asas kepada tercetusnya pemikiran kreatif dan kritis manusia. Manusia mampu berfikir dan membanding beza baik buruk sesuatu perkara dengan mudah menggunakan metafora. Dengan memahami metafora, para pembaca dapat memahami maksud tersurat dan tersirat sesebuah karya sastera. Kajian ini telah membuka ruang kepada para pembaca untuk memahami maksud tersurat dan tersirat yang terkandung dalam novel dengan jelas.

### 5.3 Cadangan Kajian Masa depan

Metafora merupakan satu konsep yang diterima umum dan bersifat sejagat. Kajian tentang metafora telah banyak dijalankan oleh pengkaji barat di bawah pelbagai bidang. Namun begitu, di Malaysia kajian tentang metafora dalam bahasa Tamil sangat terhad khususnya kajian prosa seperti novel dan cerpen. Metafora membantu manusia berfikir secara kreatif. Oleh itu, kajian tentang bidang metafora perlu diluaskan dengan mengkaji sampel kajian daripada bidang politik, sains dan teknologi, ekonomi, perundangan dan perubahan seperti mana yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji Barat. Selain itu, pengkaji telah menggunakan Teori Metafora Newmark (1984) sebagai kerangka teori. Pengkaji yang akan datang pula boleh menggunakan Teori Metafora telah dikemukakan oleh pakar bahasa yang lain seperti Bolinger (1980), Rose (1958) dan sebagainya.

Kajian metafora pada genre prosa perlu dipergiat kerana ia merupakan satu pandangan yang baharu. Kajian yang meluas dalam genre prosa memperkenalkan pelbagai jenis metafora kepada pembaca. Kini kajian metafora hanya berfokus kepada kajian terhadap puisi. Kajian berbentuk prosa dimulakan oleh Krishnan (2009). Kajiannya bertajuk stilistik dalam novel Re.Kartigesu. Krishnan hanya memfokuskan stilistik dalam novel tersebut. Bahasa kiasan seperti metafora, simili, hiperbola dan imejan dikaji. Jadi, kajian ini sebagai penyambung ke arah kajian berbentuk prosa. Kajian ini juga menumpukan metafora semata-mata. Bakal pengkaji dicadangkan agar memperluas skop kajian kepada penggunaan bahasa slanga, lambang-lambang yang digunakan dalam perbualan harian masyarakat ladang dan sebagainya. Perluasan skop membolehkan lebih banyak kajian dikaji pada masa kelak.

Selain itu, pengkaji juga berharap pengkaji masa hadapan dapat meneruskan kajian dalam skop yang berbeza seperti yang diterangkan dalam buku '*Thandiyalanggaram*'

.Kajian seperti itu dapat menjelaskan keunikan bahasa Tamil dan keindahannya. Ia juga dapat melahirkan pemikiran yang selaras abad ke-21.

#### **5.4 Kesimpulan**

Penulisan novel tidak boleh terlepas daripada penggunaan bahasa kiasan seperti metafora, hiperbola, personifikasi, simili, dan imejan. Penggunaan unsur ini bukan sahaja mengayakan novel juga meninggikan penggunaan bahasa dalam novel tersebut. Keindahan bahasa ini pasti menarik ramai pembaca yang secara tidak langsung menghayati penggunaan bahasa kiasan.

Kajian ini dilakukan ke atas penggunaan metafora dalam novel *Selancar Empat*. Dapatan jelas menunjukkan metafora memainkan peranan penting dalam memberikan pelbagai interpretasi. Pemahaman metafora berbeza dari segi konteks penggunaannya. Pengkaji juga dapat melihat maksud tersurat dan tersirat metafora yang digunakan dalam novel ini. Pemahaman ini memberi gambaran yang jelas tentang kehidupan masyarakat ladang dan penggunaan bahasa Tamil dalam kalangan mereka. Akhirnya, pengkaji dapat menyatakan keberkesanan penggunaan metafora dalam mencetuskan kepelbagaian pemikiran.

Secara kesimpulannya, penggunaan metafora dapat mempelbagaikan maksud terhadap metafora yang digunakan dalam novel *Selancar Empat*. Perbezaan maksud ini dapat mencetuskan pemikiran yang berbeza selaras pemikiran abad ke -21.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdullah. Mei 1993. *Puisi dan Bahasa Kiasan* . Dewan Siswa. Jilid 23(5). Hlm 66-67.
- Abdullah Hassan.(1993).Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia (Edisi Keempat).Pulau Pinang. Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Rashid. (2000). *Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu*. Selangor. Longman.
- Abrams,M.H. (1981). *A Glossary of Literary Terms*. London:Oxford University Press.
- Akhmad Saifudin. (2012). Metafora dalam lirik lagu kokoro no tomo– karya itsuwa mayumi. Fakulti Ilmu Budaya University Dian Nuswantoro.Vol.4
- Ali Ahmad (1978), *Asas Menganalisis Cereka*,Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ang, T.H. (2006). Analisis Penggunaan Metafora, angka-angka dan emotika dalam mesej SMS di kalangan remaja Cina. .(Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Asmah Haji Omar.1990.Stilistik Dalam Sastera Melayu:Pendekatan Linguistik. Stilistik:Pendekatan dan Penerapan.Kuala Lumpur:Jabatan Pengajian Melayu,Universiti Malaya.Hlm55-66
- Arasarathnam Sinnappa.(1978),*Indian in Malaysia and Singapore*.London:Oxford University Press.
- Arunasalam,S. (2016). *Amalan Budaya dalam Masyarakat Tamil dalamAntologi Agananuru*.(Tesis PHD).Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Awang Sariyan.(1996).*warna dan Suasana:Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Aristotle (1968).*poetics:A Translation and Commentary for Students of Literature*.USA:Prentice Hall
- Bakiavathi, T. (1980). *Tamil Navalkalil Manitha Urimaikalum Makkal Porathamum*. Chennai. Kalainyar Pathipakam.
- Balakrishnan, K. (2007). *Nyanapzaham*. Sungai Petani. Percetakan Dinesh.

- Beger Anke.(2012). Delibrate metaphors? an exploration of the choice and functions of metaphors in US- American college lectures, vol.4
- Bolinger, D. (1980). *Language: The Loaded Weapon*. London: Longman Group Ltd.
- Cuburetiyar,Na.(1988). *Vittuciththan Viritha Thamil*. Madras: Venkatam Publications.
- Delbaere, M. ( 2013, April). Metaphors and myths in pharmaceutical advertising. *Jurnal Social Science & Medicine*, Volume 82, pp.21-29. Dimuat turun dari <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0277953613000452>. Pada 21 Mac 2016
- Dharma Vijaya. (1998). *Dunia Puisi Dalam Penelitian Dan Pengajaran*.Shah Alam.Malaysia:Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd
- Deiva Sundaram.N.(1981).*Tamil Diglossia*.Thirunelveli: Naina Pathipagam.Tamil Nadu
- Dhuraimurugar, R.L. (2001). *Modern Astrology*. Madras. R.I.Dhuraimurugar Book Publication.
- Fadaee Elaheh. (2012). Symbols, metaphors and similes in literature.a case study of “animal farm”, Islamic azad University of Bandar Abbas, Iran.
- Fink, W. (1995).*Journal of Morphology*. Willey Online Library.
- Galperin.I.R.(1971).*Stylistics*.Moscow:Higher School Publishing House
- Gopalan,M. (2009).*Keindahan Bahasa dan Antologi Puisi Tamil Malaysia 1971-2000*.(Tesis Sarjana).Universiti Malaya.Kuala Lumpur.Malaysia
- Gorys Keraf (2000) *Diksi dan Gaya Bahasa*.Jakarta: Penerbit : PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harimurty Kridalaksana. (2008). *Kamus Linguistik Fourth Edition*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama
- Hashim Awang (1987) *Glosari Mini Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M)Sdn.Bhd.
- Hatch, E. & Brown, C. (1995).*Vacobulary, Semantics and Language*. New York: Cambridge University Press.

Hawkes, T.(1972). *Metaphor*.London:Methuen

Herman,J.W.(1995).*Teori dan Apresiasi Puisi*.Jakarta,Indonesia: Penerbit Erlangga.

Hough,G.(1969).*Style and Stylistics*.London:Routledge and Kegan Paul

<http://malaysiana.pnm.my>

<http://pathu.kothai.kalyanasundram.padalgal.com>

Ibrahim Ahmad(2008).*Metafora Bahasa Melayu*, Dewan Siswa. Kuala Lumpur,Malaysia:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Johari Hj.Jonid.(2004).*Penggunaan Metafora dan Simili dalam lirik lagu Melayu*.Fakulti Bahasa dan Linguistik,Universiti Malaya,Kuala Lumpur.

*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. (1995). Selangor:utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka,

*Kamus Kriyavin Tahtkala Tamil karathi*. (2008). Chennai. Crea Publishing

*Kamus Linguistik*. (1983). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karthegees,P. (2005) *Komponen Sastra Tamil dalam Mata Pelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan Tamil*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya. Kuala Lumpur, Malaysia

Karunakaran,K.(1983).*Sociolinguistic Patterns of Language Use*.Annamalai Nagar.Tamilnadu.AITLA

Kailasapathy. (1970). *Kavithai Nayam*. Kolumbu.Sri lanka.Vijayaletchumy Book Depot

Keris Mas.(1988).*Perbincangan Gaya Bahasa Sastra*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Keraf, G. (1994). *Diksi dan Gaya Bahasa* Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Krishnan Ramasamy.(2010). *A Stylistic Analysis Of Re.Karthigesu's Novels*.Tesis Ph D. ( tidak diterbitkan )

- K.Punniavan, ( 2013).*Selancar Empat*. Sungai Petani: Deepa Olli Enterprise
- Kovecses,Z. (2002). *Metaphor in Culture.Universality and Variation*. Cambridgr: Cambridge University Press
- Kronfeld, C. (1983). *Aspects of Poetice Metaphor*.University Microfilms International.
- Lakoff,G., & Johnson, M. (1984). *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff,G.,& Turner,M.(1989).*More than cool reason:A field Guide to PoeticMetaphors*.Chicago:University of Chicago Press.
- Larson,M.L.(1984). *Meaning based translation: A guide to cross- language equivalence*.Lanham,MD. University Press of America.
- Lee, G. ( 2001). *Figures and Vocabulary*. Shangai, China: Foreign Language
- Lehman.T. (1993). *A Grammar of Modern Tamil*.Pondicherry. Pondicherry Institute of Linguistic and Culture.
- Liew, F.Y. (2010). *Kajian Metafora dalam Puisi tradisional Bahasa Cina*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Lim, S.T. (2002). *Berkecana Di Belantara Kata*. Penerbit Pustaka Nusa Sdn.Bhd. Bangi, Malaysia.
- Lufti Abas.(1990).*Bidang Stilistik-Pengenalan dalam Stilistik:Pendekatan dan Penerapan*.Kuala Lumpur:Jabatan Pengajian Melayu.Universiti Malaya
- Lwi,J. (2004). *Penggunaan metafora dalam bahasa iklancetak:satu kajian semantic*.(Tesis Sarjana).Universiti Malaya,Kuala Lumpur,Malaysia.
- Makkal Osai. *Selancar Empat Naval Veliyiidu*.3.12.2013.Makkal Osai Press.Kuala Lumpur
- Maniyamin Haji Ibrahim.(2009).*Gaya Bahasa Kiasan*.Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd

- Malaysian. Indian Blueprint. 2017. Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia, Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya: Sketariar Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia. Dimuat turun Dari <http://mib.my/wp-content/uploads/210417v2-mip-Malay.pdf>.pd7Julai2017
- Marimuthu, T. (1991). *Varalatrip Parvaiyil Malaysiavil Thotha Thozhilalargal*. Kuala Lumpur.
- Mashak, S.P. (2012, Feb). A Comparative Study on Basic Emotion Conceptual Metaphors in English & Persian Literary Texts. *International Education Studies*. Vol.5.No.1. Dimuat turun dari <http://www.ccsenet.org/journal/index.php/ies/article/view/14302>. Pada 10 Mei 2015.
- Mayes, F. (1978). *The Discovery Of Poetry*. Orlando, Florida: Harcourt Brace Jovanovich publisher
- Mohanraj, K. (1987). *Thirukkural Aaivum Matippidum*, Chennai. Thirukkural Aaivum Maiyam. Chennai University
- Mohamad Fazlon. (2016). *Penggunaan Metafora dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis*. *Kertas Seminar Bahasa Melayu*. 36(6)-399-410.
- Muhamad Haji Salleh. (1984). *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur. Malaysia. Dewan Bahasa Pustaka.
- Muhamad Haji Salleh. (1988). *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur. Malaysia. Dewan Bahasa Pustaka.
- Murugesan, (2008). *Valluvar kuurum vaaalkkai Nerimuralgal. Paakam 2*. Rajkumari publication
- Muthusamy, C. (2006). *Manpulukkal*. Kuala Lumpur. Malaysia. Thamizini. Chennai
- Navraj Sellayaa (2000). *Thirukkural – Puthiya Urai*, Chennai. Rajmohan Pathippagam
- Newmark, Peter. (1988). *A Textbook of Translation*. UK: Prentice Hall
- Nik Safiah Karim. (1998) *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*, Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nilsen, D.L.F., & Pace, A. (1978). *Language Play: An Introduction to Linguistics*. Massachusetts: Newbury House Publishers



- Noriah Taslim. (1996). Menggarapi Dunia Faedah dan Keilmuan Sastera Melalui Penstrukturan Kurikulum dan Pemantapan Kaedah Pengajaran. Kolokiam Pengajaran Sastera, Hal 1-16, Bangi. Kuala Lumpur. UKM
- Nur Aslina. (2016). Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: PNI Neuron
- Nurul Nadia Muhamad, & dan Sabariah Md.Rashid. (2014). Cat Metaphors in Malay and English Proverbs. *Journal Social and Behavioral Sciences 118*, pp. 335-342. Dimuatdari <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814015766>. Pada 10 Februari 2017
- Nurul Sabrina Zan. (2015), *Penterjemahan Metafora Bahasa Melayu ke Bahasa Sepanyol melalui Bahasa Inggeris*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ontony, A. (1993). *Metaphor and Thought*. London. Cambridge University Press.
- Parthasarathi, Na.(2005). *Pon Vilanggu*.Madras. Tamil puthakalaayam.
- Patrina Phang Mei Choo.(2004).*Bahasa Kiasan Dalam Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS):Satu Kajian Semantik*.(Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Pichamuthu, N. (1988). *Mu.Va. Navalkalil Samuthaya Marumalarchi Thakkam*. Chennai. Paari Nilayam
- Puliyur Kesigan. (2010). *Thirukkural: Puthiya Urai*. Chennai,India: Poombugar
- Prodopo, R.D. (1993). *Pengkajian Puisi: Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*. Yogyakarta, Indonesia: Gadjah Mada University Press.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ragini Ragavan & Che Ibrahim Haji Salleh.(2015, Mac). Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari Aspek Sosial. *Jurnal of Business and Social Devolopment Vol.3(1)*,pp.66-75.Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.
- Rajagopalachariyar. (1963). *Tholkapiyam*. Madras, India : Ilakkiya Nilayam.

- Rajendran,N,S. (2000, Oktober). *Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000.
- Rajendran,N,S. (2008). *Aasiriyam - Malaysiyavil Kalviyum Katral Katpialum*. Kuala Lumpur. Uma Publication
- Ramasamy, P. ((1999). *Malaysia Thotha Thozilalar Vazhvum Porathamum*.Kuala Lumpur. Uma Publication.
- Rengasamy, (1997). *Langat Nathikaraiyile*. Kuala Lumpur. Manonmani patipakam.
- Richards, I.A. (1967). *The Philosophy Of Rhetoric*: London: Oxford University Press.
- Ricouer, P. (1977). *The Rule of Metaphor*. London. Lowe & Brydone Printers Lte.
- Rose,B. (1958). *A Grammar Of Metaphor*. London: Secker & Warburg.
- Ruzanna Md.Ruslan, & Rozaimah Rashidin. (2014, Jun). Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi. Jurnal Linguistik (Vol.18(1) hlm (010-024). Dimuat turun dari [www.plm.org.my](http://www.plm.org.my). Pada 20
- Sababathy,V.(1995).*vidutalaikkup pintiya Malaysia tamil na:valhal*.Kuala Lumpur. Uma Publications.
- Sababathy,V.(2007).*vidutalaikkup pintiya Malaysia tamil na:valthal*.Kuala Lumpur Uma Publication.
- Safian Hussain et.al. (1988). *Glosari Istilah Kesusasteraan*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sakina Suffian. (2000). *Manusia Dan Alam Sebagai Medan Sumber Metafora Melayu: satu kajian semantic*. (Tesis PHD). Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Seeni Naina, M. (2007). *Semmozhi* . Chennai:Thenmalar Pathipagam.
- Seeni Naina, M. (2013). *Unggal Kural*. Pulau Pinang.Unggal Kural Press.
- Segar, (2012). *Malaysia Tamil Navalkalil Samuthaya Sinthanaikal*. Kuala Lumpur. Uma Publication

- Selvajothi,R.(2009).*Penggunaan Bahasa Kiasan Dalam Thirukkural:Satu Analisis.* .(Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Selvi,L.(2018).*Penggunaan Metafora dan Simili dalam Lirik Lagu Tamil Tempatan.* .(Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Shamala, S. (2017).*Metafora Dalam Puisi Klasik Tamil Muthurai.*(Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Simpson,P.(2004).*Stylistic:A Research Book for Student.*New York.Routledge.
- Siti Yuliana.(2014). *Analisis Struktural dan Stilistik pada Novel Perempuan Kembang Jepun.* .(Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Soosai, G. (1977). *Puisi Lama Thirukkural.*Pulau Pinang: Institut Libido
- Sothirajan. *Mayil.* (Jun 2015). Kuala Lumpur. Uma Publication.
- Srivastava,R.(1994).*Studies in Language and Linguistics- stylistic.*Delhi:Kalingga Publication
- Shu Ding Fang. (2000). *Studies in Metaphor.* Shangai, China: Foreign Language Education Press
- Steward, M. (2008, April). Water in Culture and Religion. Dimuat turun dari:  
[http://www.unesco.org/water/wwd2006/world\\_views/water\\_religions\\_beliefs.Shtml](http://www.unesco.org/water/wwd2006/world_views/water_religions_beliefs.Shtml).  
Pada 2 Disember 2016
- Supramani, S. (2006). *Penyoalan Guru : Pemangkin Pemikiran Aras Tinggi Murid dalam Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.* Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Tamil Nesan. *Kothadimai Nadagam.*07.11.1979
- Tamil Osai.*Selancar Empat Kathadimaigal?*.23.7.1979
- Tengku Azeezeen Tengku Samsuddin. (2011). Unsur Haiwan dalam Perinahasa Melayu dan Cina: Satu Perbandingan. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Thillainathan, C. (1989). *Ilakiyamum Samuthayamum.*Chennai. Manivasagar Pathipagam.

Thinakural.(2013).*Selancar Empat Cirantha Padaippu*:10.12.2013.Thinakural Press

Thiruvarasu,Ka.(1996).*Malaysia Kavithai Kalanjiyam*.Kuala Lumpur. Umah Publication

Vaalviyal Kalajiyam – Thoguti Naangu (1991). Tanjavur, India: Tamil Palgalaikalagam.

Varatharaasan.Mu. (1996). *Thirukkural Telivurai*. Thirunelveli : South India Saiva Siddhantha

Varatharaasan.Mu. (2010). *Tamizh Ilakkiya Varalaru* (edisi 27 ).Chennai: Sahitya Akademi

Za'ba. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia:Dewan Bahasa dan Pustaka.

ZainalAbidin Bin Ahmad.(1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zheng, J(2015). The Metaphorical meanings of Hong “Red and Bai “white” in Chinese.Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.